



JABATAN LANDSKAP NEGARA  
KEMENTERIAN KESEAHTERAAN BANDAR,  
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

# Buletin LANDSKAP NEGARA

EDISI 2/2017



Antara yang menarik di dalam :



**ms 5**

Program Teras JLN



**ms 14**

Bicara Inspirasi



**ms 19**

Industri Landskap



# Perutusan KETUA PENGARAH

JABATAN LANDSKAP NEGARA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Malaysia

Bandar akan sentiasa mengalami evolusi dan berhadapan cabaran-cabaran baru selaras dengan peningkatan penduduk dan permintaan terhadap perkhidmatan perbandaran yang dinamik. Dalam banyak keadaan, bandar-bandar lama terutamanya tidak berupaya menampung perubahan disebabkan keterbatasan ruang. Penjanaan semula bandar atau *urban regeneration* adalah pembaharuan yang optimis untuk melakukan perubahan mampan dari aspek fungsi, ekonomi, sosial dan alam sekitar. Penjanaan semula bandar membolehkan kita mendepani cabaran-cabaran perbandaran dengan menghidupkan ruang-ruang bandar yang lesu, terbiar atau tidak digunakan sepenuhnya. Fokus penjanaan semula bandar adalah untuk melakukan transformasi ruang dengan menambahbaik infrastruktur dan kemudahan agar dapat memberikan impak yang positif kepada sosioekonomi dan sosiobudaya komuniti bandar.

Merancang dan membangunkan landskap perbandaran yang mempunyai karakter landskap yang tersendiri, harmoni dan

mampan berdasarkan sumber semulajadi dan sosiobudaya tempatan adalah pelengkap kepada penjanaan semula bandar. Pembangunan landskap perbandaran akan mengupayakan ruang kosong, sempit dan terbiar menjadi jaluran ruang hijau yang berfungsi, aktif dan selamat. Selain itu, pembangunan taman-taman awam yang sistematik dan strategik akan mewujudkan rangkaian kawasan hijau yang lebih luas dan selesa untuk komuniti bandar melakukan aktiviti gaya hidup sihat seperti rekreasi, riadah, sukan dan interaksi sosial secara terancang. Sehubungan dengan itu, keutamaan Jabatan Landskap Negara adalah kepada program-program perancangan, pembangunan dan pengurusan landskap yang komprehensif untuk mengukuhkan identiti bandar disamping membentuk ikon dan imej baru yang akan merancakkan aktiviti ekonomi dan sosial kawasan perbandaran.

Selaras dengan Teras 2 Dasar Landskap Negara iaitu memantap dan mempertingkatkan kualiti landskap bagi mencapai matlamat Negara Taman Terindah, Program Landskap Perbandaran mula dilaksanakan pada pertengahan RMK-10. Sehingga kini sebanyak 6 projek landskap perbandaran sedang dilaksanakan pada pelbagai peringkat pelaksanaan. Pada masa yang sama pembinaan taman awam sebagai program teras Jabatan terus diperkasakan. Dalam tempoh 20 tahun yang lalu sebanyak 50 buah taman awam telah siap dibina manakala sekurang-kurangnya 13 buah taman awam lagi dalam pelbagai peringkat pelaksanaan di bandar-bandar utama seluruh negara. Sesungguhnya program dan aktiviti Jabatan yang terus dilaksanakan bermatlamat untuk menyediakan akses kepada kemudahan rekreasi awam bagi menjamin kesejahteraan hidup rakyat.

## Editorial BULETIN LANDSKAP NEGARA

**PENASIHAT** Tuan Haji Esa bin Haji Ahmad

**KETUA EDITOR** Meor Saadon Sofian bin Mior Razali

**EDITOR** Mansor bin Mohamad

**SIDANG PENGARANG** Nor Arfah binti Mohd Ishak  
Md. Zaimi bin Zainudin  
Saharudin bin Abu Rohan  
Intan Syafinaz binti Lazim  
Mohd Nasir bin Mohamed  
Mohd Norsobirin bin Jamsari  
Lailatul Badariah binti Mohd Ikmal  
Norjuridah binti Kasmuri  
Vickson E.Tabak  
Mohd Izammudin bin Amran  
Nurashikin binti Sharif  
Yazid bin Abu Kasim

**URUS SETIA** Kamarul ariffin bin Ab. Rahim  
Hanizan binti Kamil  
Bahagian Promosi dan Industri  
Landskap

## ISI KANDUNGAN

	<b>Fokus</b>	03
	<b>Program Teras JLN</b>	05
	<b>Perspektif</b>	07
	<b>Bicara Inspirasi</b>	14
	<b>Bingkisan PBT</b>	18
	<b>Industri Landskap</b>	19
	<b>Peristiwa dan Aktiviti</b>	20
	<b>Seranta @ JLN</b>	29

# SEMINAR KEBANGSAAN TAMAN PERMAINAN KANAK-KANAK 2017 : PEMAKAIAN MALAYSIAN STANDARDS MS 966:2017 PLAYGROUND EQUIPMENT DAN MS 2665:2017 PLAYGROUND SURFACING

Penulis: Murniza Hawani binti Husin  
Bahagian Taman Awam

Seminar Kebangsaan Taman Permainan Kanak-Kanak 2017 : Pemakaian Malaysian Standards MS 966:2017 *Playground Equipment* dan MS 2665:2017 *Playground Surfacing* telah diadakan pada 14 – 15 November 2017 di Dewan Serbaguna, Aras 1, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, Putrajaya. Seminar ini telah dirasmikan oleh YB Tan Sri Noh Bin Haji Omar, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada 14 November 2017 yang mana teks ucapan perasmian telah disampaikan oleh Dato' Sri Haji Mohamad Bin Mentek, Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Seminar bertujuan untuk memberi penerangan mengenai MS 966:2017 - *Revised Malaysian Standard Playground Equipment - Safety Performance for Public Use - Specification*, MS 2665-1:2017- *New Malaysian Standard Playground Surfacing - Part 1:Standard Guide*, MS 2665-2:2017-*New Malaysian Standard Playground Surfacing - Part 2: Impact Attenuation of Surfacing Materials within The Use Zone of Playground Equipment - Specification* yang telah diluluskan pada 11 Januari 2017 kepada semua pihak yang berkepentingan.

**Objektif seminar adalah untuk:-**

- Membuat hebatan berkaitan kelulusan tiga (3) *Malaysian Standards (MS)* yang telah diluluskan pada Januari 2017.
- Memastikan semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan semua pihak yang berkepentingan yang terlibat secara langsung serta pengguna peralatan permainan di negara ini dapat mengikuti spesifikasi dan kehendak *Malaysian Standards*.

- Memberi pendedahan kepada peserta tentang pemakaian dan pemilihan yang akan dibuat mengikut *Malaysian Standards*.

Seminar ini adalah anjuran bersama Jabatan Landskap Negara (JLN), Jabatan Standard Malaysia (JSM) dan Persatuan Keselamatan Permainan Kanak-Kanak (PSAM). Pengajuran turut mendapat kerjasama Kementerian Wilayah Persekutuan, Biro Pengaduan Awam, Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Perbadanan Putrajaya, Sirim Berhad, Institut Arkitek Landskap Malaysia (ILAM), Persatuan Taman, Rekreasi dan Ameniti Malaysia (MyPark) dan RIS Learning Sdn Bhd.

Sepanjang Seminar ini berlangsung, sebanyak lima (5) ucaptama dan sebelas (11) kertas kerja telah dibentangkan oleh pelbagai jabatan, agensi, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan pengeluar alatan permainan.

Kewujudan standard ini dilihat sebagai salah satu titik tolak yang penting dalam sesebuah pembangunan yang melibatkan keselamatan pengguna. JLN menyeru semua pihak yang terlibat secara langsung dalam penyediaan, pembekalan dan pembangunan taman permainan kanak-kanak supaya menggunakan standard ini supaya kemudahan yang disediakan kelak dapat memenuhi semua aspek keselamatan yang digariskan.



Majlis Perasmian dan Pameran Seminar Kebangsaan Taman Permainan Kanak-Kanak 2017 : Pemakaian Malaysian Standards MS 966:2017 *Playground Equipment* dan MS 2665:2017 *Playground Surfacing* pada 14 November 2017



Wakil daripada Jabatan Standard Malaysia, JLN dan Biro Pengaduan Awam JPM membentangkan ucaptama dan kertas kerja pada seminar tersebut

Resolusi bagi seminar kebangsaan taman permainan kanak-kanak 2017 adalah seperti berikut :

- i. Taman permainan yang dibina perlu mempunyai persekitaran pembelajaran dalam permainan yang menarik, lengkap untuk pelbagai kategori umur dan kelainan upaya, selesa dan selamat. Keselamatan daripada segi fungsi, rekabentuk alatan permainan, lokasi taman permainan serta kemudahan yang disediakan perlulah diambilkira.
- ii. Dasar Landskap Negara (DLN) mensasarkan Malaysia sebagai sebuah Negara Taman Terindah di mana pembangunan fizikalnya diseimbangkan dengan persekitaran yang hijau. Teras-teras DLN juga menekankan landskap yang berkualiti, berfungsi serta lestari dan diperkuuhkan dengan perundangan serta garis panduan landskap yang komprehensif.
- iii. Mewujudkan piawaian yang komprehensif dan perlu dipatuhi oleh pembuat/pengeluar peralatan taman permainan kanak-kanak, jurupasang (installer) dan lain-lain pemegang taruh (*stakeholder*).
- iv. Mengutamakan aspek keselamatan dalam rekabentuk dan binaan taman permainan kanak-kanak.
- v. Kawalan mutu di pihak pembuat (*manufacturer*) – pengeluaran dan pemasangan perlu mematuhi spesifikasi.
- vi. Memandatorikan pelaksanaan audit ke atas taman permainan kanak-kanak sedia ada, yang dilaksanakan oleh Pihak Berkusa Tempatan (PBT) sekurang-kurangnya 1 kali setahun. Penemuan audit CPSI boleh dijadikan asas oleh PBT untuk mendapatkan peruntukan pengurusan dan penyelenggaraan.
- vii. Pematuhan *Malaysian Standard (MS)* bagi pembangunan taman permainan kanak-kanak yang baharu. Semua PBT memasukkan pematuhan MS dalam Garis Panduan Permohonan Kelulusan Pelan Landskap.
- iii. PBT perlu melaksanakan program advokasi melalui kerjasama strategik antara PBT dengan persatuan penduduk, PSAM, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta badan korporat.
- ix. Semua taman permainan kanak-kanak yang dibina dan dipasang di Malaysia perlu mematuhi MS menjelang 2020.
- x. Kerajaan mengesyorkan supaya pekerja PBT mendapat Latihan Penyelenggaraan Taman Permainan Kanak-Kanak bagi memastikan pekerja mempunyai kepakaran dalam mengurus dan menyelenggara taman permainan.
- xi. Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menurunkan kuasa untuk pengawalan keselamatan taman permainan kanak-kanak kepada Jabatan Landskap Negara.
- xii. Perkhidmatan landskap dan produk industri landskap ke luar negara diselaraskan oleh Jabatan Landskap Negara dan MATRADE bagi meningkatkan kualiti dan kuantiti eksport dalam bidang ini.



Pameran yang turut disertai oleh Jabatan Standard Malaysia



Warga kerja JLN yang menjayakan Seminar Kebangsaan Taman Permainan Kanak-Kanak 2017 : Pemakaian Malaysian Standards MS 966:2017 Playground Equipment dan MS 2665:2017 Playground Surfacing pada 14-15 November 2017

## 14 NOVEMBER 2017 (SELASA)

Ucaprama 1	Taman Permainan Kanak-Kanak Dalam Pembangunan Landskap Negara YBhg. Dato' Haji Eszati Haji Ahmad -Ketua Pengarah, Jabatan Landskap Negara, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Ucaprama 2	<i>Standards Development Infrastructure for Playground Equipment and Playground Surfacing</i> YBhg. Datuk Faizal Baharin -Ketua Pengarah, Jabatan Standards Malaysia, MOSTI
Ucaprama 3	<i>Dasar Keselamatan Taman Permainan Kanak-Kanak Wilayah Persekutuan</i> YBrs. En. Tiew Hai San CPSI -Presiden Pertubuhan Keselamatan Taman Permainan Malaysia
Kertas 1	'Decades of Playground Industry in Malaysia : Way Forward' Pn. Rohina Mohd Zain -Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) Jabatan Landskap Negara, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Kertas 2	'Requirement for MS Playground Standards for Planning, Design, Implementation and Maintenance' Pn. M. Siti Lai Dr. Osman Mohd Tahir -Pengerusi : Pakar Pembangunan Bagi MS Untuk Industri Landskap dan Presiden Institusi Arkitek Landskap Malaysia (ILAM)
Kertas 3	<i>MS966 : 2017 Playground Equipment : Safety Performance for Public Use - Specification</i> En. Song Lih -CPSI, Ketua Perhubungan Korporat, PSAM dan Pakar - Pakar Pembangunan MS966.2017
Kertas 4	<i>MS 2665 - 2017 Part 1 Playground Surfacing - Standard Guide and MS 2665 : 2017 Part 2 Playground Surfacing - Impact Attenuation of Surfacing Materials Within The Zone of playground Equipment - Specification</i> En. Hanooz Nazir Bin Mohd Basir -Ekssekutif Pengajian Kanan, Seksyen Sivil dan Binaan, SIRIM QAS International Sdn. Bhd dan Pakar Pembangunan MS 2665.2017

## 15 NOVEMBER 2017 (RABU)


Ucaprama 4	<i>Playground Safety in National Building</i> YBhg. Datuk Lai Hui Shahron bin Johan Ariffin -Pengerusi Eksekutif Plants Sdn Bhd
Kertas 5	<i>The Need for Playground Equipment - Process and Procedures</i> LAT: Noriah Mat -CPSI, Setiausaha Agung, Pertubuhan Keselamatan Taman Permainan Malaysia (PSAM) dan Pakar Pembangunan MS 966.2017
Kertas 6	<i>Field Application of MS 966 : 2017 and 2665 : 2017 Part 1 &amp; Part 2</i> Pn. Jayanthi M. Selvamuthu -CPSI, Eksekutif Pengurian Kanan, Seksyen Sivil dan Binaan, Sirim QAS International Sdn. Bhd dan Pakar Pembangunan MS 2665.2017
Ucaprama 5	<i>Ke Arah Pembangunan Taman Permainan Kanak - Kanak Yang Selamat</i> YBhg. Datuk Harjeet Singh -Ketua Pengarah, Biro Pengagudan Awam, Jabatan Perdana Menteri
Kertas 7	<i>Going Global with MATRADE</i> En. Abu Bakar Bin Yusuf -Directed Lifestyle, Lifescience & Medical Devices and Pharmaceutical Section MATRADE
Kertas 8	<i>Design, Manufacture and Installation of Playground Equipment</i> En. Fadly Bin Abdul Halim -CPSI, Pengarah, Pro-Landscape Structure Sdn Bhd
Kertas 9	<i>Playground Manufacturing Industry in Malaysia</i> En. Andy Low -Pengerusi Urusan, Rekastila Industries Sdn Bhd
Kertas 10	<i>Specification on Surfacing Materials for Impact Attenuation on Playground Surfaces 9 (MS 2665)</i> Pn. Jessie Seow Wai Cheng -CPSI, Pengarah Urusan, Greenhill Industries Sdn Bhd dan Pakar Pembangunan MS 2665.2017
Kertas 11	<i>Provision of Specialist Contractor for Maintenance of Children Playground</i> En. Norazri Mohd Nor -CPSI, Pengarah Urusan, Johan Junior (M) Sdn Bhd, MyParks Malaysia

# KERJA-KERJA MENAIKTARAF JALAN RAYA SEDIA ADA DAN PEMBINAAN KOMPONEN REKREASI DI ZON ARBORETUM, TAMAN PERSEKUTUAN BUKIT KIARA, KUALA LUMPUR

Penulis: Muhammad Faridul Ikram bin Ahsorori  
Bahagian Taman Persekutuan

Jabatan Landskap Negara (JLN) telah menyahut hasrat kerajaan dalam mencapai Malaysia Sebuah Negara Taman dengan mewujudkan sebuah Taman Awam Berskala Besar yang dikenali sebagai Taman Persekutuan sebagai ruang riadah dan rekreasi untuk masyarakat sejagat. Berlandaskan hasrat tersebut, JLN melalui Bahagian Taman Persekutuan telah melaksanakan kerja-kerja menaiktaraf jalan raya sedia ada sepanjang 6 kilometer dan pembekalan serta pembinaan komponen rekreasi di Zon Arboretum, Taman Persekutuan Bukit Kiara yang siap sepenuhnya pada 15 Mac 2017.

Di antara skop kerja adalah menaiktaraf jalan turap sedia ada kepada laluan *decorative asphalt*, pemasangan 213 lampu LED, pembinaan *cast in-situ concrete kerb*, longkang, *culvert* dan *speed hump*. Selain itu, menyediakan komponen-komponen rekreasi termasuk alat senaman, wakaf, tempat duduk kayu, papan tanda dan tong sampah untuk kemudahan dan keselesaan pengunjung taman ini. Transformasi yang diwujudkan di Zon Arboretum, Taman Persekutuan Bukit Kiara ini telah memberikan impak yang positif kepada para pengunjung yang menjangkau sehingga 3,500 orang sehari untuk datang beriadah di taman ini. Para pengunjung yang datang ke taman ini dapat menikmati kemudahan infrastruktur asas dan komponen rekreasi



Transformasi yang memberi impak kepada persekitaran landskap yang lebih menarik




Pengunjung juga dapat menikmati pemandangan yang indah dan menarik semasa berehat seketika di lokasi tempat duduk kayu dan wakaf seterusnya menyambung semula aktiviti

yang lebih selamat dan selesa di samping persekitaran landskap yang lebih menarik. Pengunjung dapat merasai suasana *outdoor fitness @ outdoor exercise*.

Antara transformasi pembangunan di Zon Arboretum, Taman Persekutuan Bukit Kiara yang dapat memberikan impak kepada persekitaran dan memberi manfaat kepada pengunjungnya:-



Kehadiran ramai pengunjung dari pelbagai peringkat umur dan bangsa





Pengunjung dapat menggunakan komponen seperti wakaf sebagai tempat berhenti seketika, tempat berkumpul dan tempat berlindung dari hujan



Komposisi komponen rekreasi seperti alat senaman yang disediakan dapat memberi kemudahan kepada pengunjung untuk merasai suasana outdoor *fitness @ outdoor exercise*



Transformasi ke atas Simpang Empat di Zon Arboretum telah memberi impak kepada persekitaran landskap yang lebih menarik



Laluan *decorative asphalt* dapat memberikan kemudahan dan keselesaan kepada pengguna taman ini serta kawasan Simpang Empat sering dijadikan *landmark* sebagai tempat berkumpul dan tempat berhenti



Penggunaan *decorative asphalt* imprint memberi impak positif dan menghasilkan persekitaran landskap yang lebih menarik



Komponen *speed hump* bertujuan untuk memperlahangkan kenderaan seperti pengunjung berbasikal dan kendaraan penyelenggaraan bagi memastikan keselamatan dan keselesaan pengunjung lain

# TAMAN AWAM TELUK LIKAS, KOTA KINABALU, SABAH (FASA II)

Penulis: Intan Syafinaz binti Lazim  
Bahagian Taman Awam

## Pengenalan


Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Landskap Negara (JLN) berhasrat mewujudkan Malaysia sebagai sebuah Negara Taman Terindah di mana pembangunan fizikalnya dilimbangi dengan persekitaran yang hijau, terurus, bersih dan indah. Ia juga mempunyai ruang fizikal luaran yang unik, beridentiti dan berkualiti. Masyarakatnya juga bertamadun dan berbudaya tinggi serta menghargai keseimbangan pembangunan fizikal, sosial, ekonomi dan persekitaran.

Sehubungan dengan itu, pembangunan Taman Awam Teluk Likas, Kota Kinabalu Sabah (Fasa II) merupakan salah satu kesinambungan antara taman awam dengan ruang rekreasi sedia ada di persekitarannya bagi memastikan satu rangkaian kawasan hijau dapat diwujudkan di bandaraya Kota Kinabalu.


## Objektif Perlaksanaan

Menyediakan satu jaringan kawasan hijau sebagai kawasan tumpuan riadah dan rekreasi kepada pengguna selari dengan konsep Dewan Bandaraya Kota Kinabalu sebagai *Natural Resort City* (Bandar Peranginan Semulajadi) serta meningkatkan jaluran hijau dan persekitaran hidup yang kondusif.

Keluasan keseluruhan pembangunan taman ini adalah 9.83 ekar yang merupakan tanah hak milik Dewan Bandaraya Kota Kinabalu. Keluasan tapak taman awam ini dijangka akan dapat menampung keperluan rekreasi kira-kira 2,000 penduduk.



**Konsep Rekabentuk**



Taman Awam Teluk Likas (Fasa II) dibangunkan dengan memfokuskan kawasan ini sebagai *Kids Land KK* dimana ia menjadi mercu tanda baharu dan sebagai kemudahan percuma serta taman permainan terbesar di daerah Kota Kinabalu. Ianya selaras dengan konsep pembangunan Taman Awam Teluk Likas (Fasa II) yang bercirikan alam sekitar iaitu elemen ocean dimana ia menjadikan medium interaksi antara hidupan laut yang pelbagai dan saling bergantung antara satu sama lain.



Perspektif : Pembangunan taman awam yang menerapkan rekabentuk ruang terbuka yang luas akan menjadi tumpuan awam selain sebagai tapak utama aktiviti kerajaan peringkat tempatan, negeri maupun antarabangsa



Papan tanda utama Taman Awam Teluk Likas (Fase II)

### Kemudahan Infrastruktur

- i. Menaiktaraf tempat letak kereta (TLK) sedi ada bagi menampung keperluan pengguna taman dan Anjung Selera.
- ii. Penyediaan kemudahan tandas bagi menampung keperluan pengguna taman dan Anjung Selera.



Kemudahan TLK yang luas



Kawasan lapang yang luas memudahkan aktiviti keraian dijalankan



Wakaf sebagai tempat ber待uh dan menjalankan aktiviti keluarga seperti berkelah dan kemudahan alat senaman di sepanjang laluan pejalan kaki untuk aktiviti riadah pengguna



Kemudahan elemen-elemen landskap

- i. Penyediaan kawasan permainan kanak-kanak berskala besar bagi menampung keperluan kanak-kanak bermain dengan selesa dan selamat.
- ii. Kemudahan wakaf berserta BBQ pit menjadikan taman ini berfungsi sebagai kawasan berkumpul keluarga dan rakan-rakan.
- iii. Laluan pejalan kaki menjadi penghubung antara satu kawasan ke kawasan yang lain disamping menyediakan tempat duduk.
- iv. Pemasangan lampu taman dan jalan bagi menghidupkan fungsi taman di waktu malam selain untuk keselamatan pengguna.
- v. Kawasan ruang terbuka yang luas membantu menjalankan aktiviti aktif seperti bermain bola selain sebagai tapak aktiviti keraian pelbagai peringkat.
- vi. Kemudahan peralatan kecergasan untuk golongan dewasa beriahadah di dalam kawasan taman.
- vii. Plaza terbuka sebagai ruang yang boleh berfungsi sebagai tapak utama pelbagai aktiviti riadah dan keraian.



Ruang permainan kanak-kanak yang luas memberi kepuasan bermain kepada kanak-kanak



Plaza terbuka yang luas boleh dijadikan ruang utama bagi sebarang aktiviti keraian mahupun berkumpulan



Plaza terbuka yang luas boleh dijadikan ruang utama bagi sebarang aktiviti keraian mahupun berkumpulan



Sebuah taman yang menyediakan kemudahan riadah pelbagai peringkat umur



## EKSPLORASI PEMULIHARAAN ALAM SEKITAR, KUALA SELANGOR

Penulis: Noor Ashura binti Shuib  
Bahagian Dasar dan Pengurusan Korporat

Jabatan Landskap Negara telah menganjurkan satu eksplorasi pemuliharaan alam sekitar Kuala Selangor bertempat di Kampung Kuantan, Bukit Melawati, Taman Rimba Alam dan sawah padi bermula 6 hingga 8 September 2017. Eksplorasi disertai oleh 20 pegawai Jabatan Landskap Negara dan 20 orang wakil pihak berkuasa tempatan (PBT).

**Objektif eksplorasi adalah untuk :**

- Membudayakan Kecintaan Terhadap Landskap
- Mendedahkan pegawai perkhidmatan landskap tentang kepentingan pemuliharaan alam semulajadi; dan
- Mendidik dan memberi penekanan mengenai metodologi dan kaedah pemuliharaan alam yang diamalkan agensi-agensi berkaitan untuk digunakan atau disesuaikan dengan pemuliharaan alam semulajadi di PBT.



Pengalaman melihat sendiri kelip-kelip Kampung Kuantan

Eksplorasi pertama dimulai dengan melawati ke Sungai Kelip-Kelip, Kampung Kuantan. Disini peserta merasai sendiri kehidupan sebenar kelip-kelip yang berukuran 6mm panjang yang merupakan sejenis serangga dari spesies kumbang *Pteroptyx tener*. Keunikan yang ada pada kelip-kelip ini adalah pada ekornya, yang mengeluarkan kelip cahaya pada kadar 3 kedipan sesaat. Jangka hayat kelip-kelip ialah selama 2 hingga 3 bulan. Pokok berembang *Sonneratia caseolaris* adalah sejenis pokok bakau yang tumbuh liar di tebing sungai Selangor amat penting kepada kelip-kelip sebagai sumber makanan. Kesimpulan dari eksplorasi ini, peserta dapat mempelajari kepentingan pokok berembang kepada kehidupan kelip-kelip yang mewujudkan hubungan simbiosis bagi kedua-dua spesies biologi ini.

Eksplorasi seterusnya adalah lawatan ke Bukit Melawati, Kuala Selangor. Antara tempat yang dilawati adalah Perigi Beracun, Muzium Sejarah Daerah Kuala Selangor, Rumah Api, Baitulhilal (tempat melihat anak bulan), Meriam Bukit Melawati dan Makam Diraja Kota Melawati. Disini, peserta didekah dengan sejarah setempat dan nilai landskap yang tinggi dari aspek warisan dan budaya bagi menghasilkan pengekalan landskap warisan kerana ia boleh menjadi satu daripada elemen pelancongan yang mampu menjana ekonomi setempat.



Pada sesi petangnya, peserta melawati Taman Rimba Alam yang merupakan kawasan paya bakau yang menjadi habitat kepada burung-burung seperti Nordmann's greenshank, milky stork, spoonbilled sandpiper, kingfishers, eagles, burung migrasi, monyet spesies macaque dan silver leaf. Ia juga merupakan habitat kepada pelbagai spesies flora seperti pokok hutan, bakau, palma, herba dan pelbagai spesies paku-pakis yang menjadi habitat kepada fauna.

Melalui eksplorasi lawatan ini, peserta dapat memahami kepentingan memelihara alam semulajadi di tanah bawah, pemeliharaan dan pemuliharaan landskap adalah usaha yang berterusan demi memelihara flora dan fauna serta mengelakkan kepupusan habitat haiwan.

Kesimpulannya, Taman Rimba Alam mengekalkan sistem ekologi yang stabil bagi habitat flora dan fauna.



Pada hari terakhir eksplorasi, peserta mengadakan lawatan ke sawah padi yang terletak di Tali Air 2, Ban 3 Sungai Burong, Tanjung Karang Selangor. Antara aktiviti yang dibuat adalah menanam dan menuai padi, memancing, memetik jagung, melihat keindahan kelip-kelip, bersiar-siar di sawah dan melihat produk industri kecil dan sederhana (IKS). Tujuan eksplorasi adalah bagi mendekatkan peserta dengan landskap budaya dan landskap pertanian yang boleh dijadikan produk pelancongan bagi menambah pendapatan penduduk.



Kesimpulan dari eksplorasi ini, peserta dapat mempelajari pengekalan landskap vernacular iaitu rekabentuk kotak tanaman sawah padi yang berbentuk segi empat sama berbeza bentuk sawah padi di kawasan utara yang berbentuk curvilinear.

## LATIHAN CERAPAN DATA SPATIAL BAGI SISTEM eLANDSKAP FASA III

Penulis: Nurashikin binti Sharif  
Bahagian Teknologi Maklumat

Sejajar dengan peningkatan pembangunan sistem Pengurusan Maklumat Lanskap (eLANDSKAP) Jabatan Lanskap Negara (JLN) melalui Bahagian Teknologi Maklumat telah menganjurkan latihan cerapan data spatial bagi sistem eLANDSKAP Fasa III pada 1 November 2017 di Taman Persekutuan Bukit Kiara, Kuala Lumpur.

Matlamatnya untuk memberi pengetahuan dan penerangan secara terperinci mengenai tatacara menggunakan aplikasi *Mobile SW Maps* (GIS & Collector) bagi membuat cerapan data di lapangan. Sesi latihan yang telah dijalankan diharap dapat memudahkan pegawai pentadbir sistem eLANDSKAP untuk membuat cerapan data. Sesi latihan telah dihadiri seramai 20 orang pegawai JLN.



Taklimat latihan amal oleh vendor



Peserta membuat cerapan data



Sesi analisa data

## KP JLN KOMITED PANTAU PELAKSANAAN PROGRAM DAN PROJEK PEMBANGUNAN LANDSKAP

Penulis: Md Zaimi bin Zainuddin  
Bahagian Penilaian dan Penyelarasian

Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara (KP JLN), Tuan Haji Esa bin Haji Ahmad serius dan komited memantau pelaksanaan program dan projek-projek pembangunan landskap yang dilaksanakan oleh jabatan. Pada tahun 2017 sebanyak 81 projek telah disenaraikan untuk lawatan pemantauan termasuk projek-projek yang telah siap dilaksanakan pada tahun 2016. Sepanjang tempoh itu, sebanyak 25 projek telah dilawati oleh beliau termasuk 3 tapak cadangan baharu.

Lawatan pemantauan dibuat berdasarkan keutamaan dalam menyelesaikan isu-isu yang mengganggu kelancaran kerja-kerja pembinaan di tapak sehingga menyebabkan kelewatan berlaku. Apabila ia berlaku, maka pembayaran tidak boleh dibuat mengikut jadual dan seterusnya memberikan kesan kepada peratusan perbelanjaan keseluruhan projek.

Beberapa lawatan secara mengejut ke tapak-tapak pembinaan projek juga telah dilakukan khususnya bagi projek-projek yang didapati **bermasalah** dan berstatus **lewat jadual**. Lawatan juga diadakan bagi projek yang memerlukan perhatian dan keputusan segera terhadap beberapa isu berbangkit.



KP JLN dan TKP(Dasar) bersama wakil PBT serta kontraktor semasa lawatan pemantauan di Sabak Bernam, Selangor

Selain itu, pemantauan juga terarah kepada tahap kecekapan pihak kontraktor serta pegawai yang terlibat menguruskan perlaksanaan kerja-kerja binaan di tapak tanpa berkompromi dari aspek kuantiti dan kualiti sesuatu hasil kerja.



Lawatan turun padang ke Taman Awam Sungai Petani, Kedah



KP JLN memberi penerangan projek kepada En. Adam (Jurutera JLN) dan pihak kontraktor sambil diperhatikan oleh En. Ahmad Syaharuddin (Pengarah Bahagian Penilaian dan Penyelarasian, JLN) di tapak pembinaan Dataran Landskap Bagan Datuk, Perak

Bagi memanfaatkan perjalanan ke suatu daerah dan kawasan, beliau turut mengambil kesempatan untuk melawat ke tapak-tapak cadangan pembangunan baharu. Ia bertujuan untuk melihat kesesuaian tapak serta mengenal pasti isu-isu awal seperti pemilikan dan status tanah.

## Lawatan KP JLN Ke Zon Sabah

KP JLN turut memantau projek-projek di Zon Sabah. Antara projek-projek yang sempat dilawati adalah Taman Awam Teluk Likas Fasa 2, Pembangunan Lanskap Dataran Kota Belud, serta beberapa cadangan tapak baru seperti tapak pembangunan Taman Rekreasi Kudat, Taman Awam Kota Belud, Taman Persekutuan Sabah di Tuaran dan Pembangunan Lanskap Perbandaran Majlis Daerah Putatan.



Tuan Haji Esa bin Haji Ahmad bersama Encik Ahmad Syaharuddin semasa lawatan ke projek Taman Awam Teluk Likas Fasa 2, Kota Kinabalu dan tapak cadangan Taman Rekreasi Kudat

## Lawatan Pemantauan Bahagian Penilaian dan Penyelaras JLN

Sejajar dengan program lawatan turun padang KP JLN, lawatan pemantauan turut dilaksanakan oleh Bahagian Penilaian dan Penyelaras JLN. Pegawai dari bahagian ini akan membuat lawatan pemantauan ke tapak-tapak projek yang memerlukan maklumat dan maklumbalas khusus.

Hasil lawatan akan direkodkan dan dilaporkan dalam bentuk laporan lawatan tapak kepada Ketua Pengarah JLN. Maklumat dari hasil lawatan juga akan dimaklumkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Jabatan (JTPJ) bagi membantu dalam mencari penyelesaian terbaik terhadap sesuatu isu berbangkit serta keputusan yang akan dibuat.

Selain melawat tapak-tapak yang sedang dalam pembinaan, lawatan juga terarah kepada pengenalpastian dan penilaian kepada cadangan tapak-tapak baru yang dipohon oleh Pihak Berkusa Tempatan (PBT) dan agensi berkaitan.

Encik Ahmad Syaharuddin dan Encik Zaimi bersama wakil dari Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah (JPBW) Negeri Sabah serta pihak PBT semasa lawatan ke tapak-tapak cadangan baharu di Sabah

Sesungguhnya, Program Lawatan Turun Padang Kelua Pengarah serta lawatan pemantauan oleh Bahagian Penilaian dan Penyelaras JLN adalah penting dan mampu membantu dalam memastikan pelaksanaan projek-projek jabatan dilaksanakan dengan baik dan berkualiti mengikut tempoh masa siap seperti dijadualkan dengan kos yang efektif.

Pada masa yang sama, ia turut menyumbang kepada peningkatan kecekapan pegawai-pegawai yang terlibat menggunakan projek sama ada dari aspek kawal selia kerja-kerja pembinaan, mahu pun dalam menyelesaikan isu-isu yang terdapat di tapak atau pengurusan kontrak secara keseluruhan. Ia dapat dilihat berdasarkan hasil dan kuaiti produk pembinaan (siap kerja) dan pembayaran yang dibuat (perbelanjaan) bagi setiap projek tahun 2017, peratusan keseluruhan perbelanjaan telah meningkat sehingga mencapai 99.96 % berbanding tahun-tahun sebelumnya.

# PROJEK PEMBANGUNAN PERSEKITARAN KEHIDUPAN DI MAJLIS DAERAH TANAH MERAH

Penulis: Mohd Nasir bin Mohamed  
Bahagian Pengurusan Lanskap

## Pengenalan

Jabatan Lanskap Negara telah memperuntukkan siling sejumlah RM1,130,000.00 di bawah Program Pembangunan Persekitaran bagi Majlis Daerah Tanah Merah melibatkan tiga (3) projek dengan perincian seperti di bawah.

	TAJUK PROJEK	PERUNTUKAN (RM)	KOS PROJEK (RM)	TARIKH MULA	TARIKH SIAP
1	Cadangan Pembangunan Persekitaran Kehidupan Di Taman Hidayah Harmoni, Tanah Merah	500,000.00	446,940.00	17.11.2016	19.02.2017
2	Cadangan Pembangunan Persekitaran Kehidupan Di Kampung Kuala Tiga, Gual Ipoh, Tanah Merah	300,000.00	270,001.00	17.11.2016	26.01.2017
3	Cadangan Pembangunan Persekitaran Kehidupan Di Jeram Pekasam, Kesedaran Peralla, Tanah Merah	330,000.00	322,479.47	17.11.2016	04.04.2017
	JUMLAH	1,130,000.0	1,039,420.47		

## Tujuan dan Objektif Pelaksanaan

Menyediakan keperluan rekreasi yang selesa dan selamat bagi penduduk setempat yang terdiri daripada pelbagai lapisan umur. Objektif yang ingin dicapai melalui pelaksanaan projek ini adalah untuk memupuk semangat perpaduan dan menggalakkan gaya hidup sihat di kalangan penduduk tempatan.

## Projek Pembangunan Persekitaran Kehidupan Di Taman Hidayah Harmoni, Tanah Merah

Melalui perlaksanaan projek ini, penduduk sekitar kawasan pembangunan mendapat akses kepada kemudahan rekreasi yang berkualiti. Bagi pembangunan di Taman Hidayah Harmoni, dengan keluasan 0.5 ekar, manfaat dapat diperolehi lebih 1,000 penduduk memandangkan lokasinya di kawasan bandar. Selain itu, kepelbagaiannya komponen seperti gelanggang futsal berbumbung, gelanggang takraw, peralatan permainan kanak-kanak, peralatan senamriang dan wakaf turut menarik minat penduduk memanfaatkan kemudahan disediakan.



Kemudahan rekreasi di Taman Hidayah Harmoni menitikberatkan keperluan generasi muda

## Projek Pembangunan Persekitaran Kehidupan Di Kampung Kuala Tiga, Gual Ipoh, Tanah Merah


Bagi pembangunan di Kampung Kuala Tiga, Gual Ipoh sejumlah 500 penduduk beroleh manfaat dengan keluasan tapak 1.5 ekar. Komponen pembangunan bagi kawasan ini adalah peralatan permainan kanak-kanak, peralatan senamriang, wakaf, laluan pejalan kaki dan tempat duduk.



Kemudahan landskap yang disediakan di Kampung Kuala Tiga, Gual Ipoh

## Projek Pembangunan Persekitaran Kehidupan Di Jeram Pekasam, Kesedaran Peralla, Tanah Merah

Pembangunan di Jeram Pekasam, Kesedaran Peralla pula menumpukan kepada kemudahan pengunjung dari kawasan berhampiran serta penunjang luar. Dengan keluasan 0.3 ekar serta kemudahan seperti dataran, wakaf, parkir dan tandas dijangka dapat menampung keperluan lebih 300 pengunjung pada satu masa.



Papan tanda sebagai salah satu elemen tarikan utama selain pembinaaan dataran dan wakaf untuk kemudahan pengunjung di Jeram Pekasam, Kesedaran Peralla, Tanah Merah



## LAr. Meor Abdullah Zaidi bin Meor Razali

### PENGARAH JABATAN LANDSKAP MAJLIS BANDARAYA IPOH

Penulis: Mansor bin Mohamad  
Bahagian Promosi dan Industri Lanskap

Bicara Inspirasi kali ini menampilkan LAr. Meor Abdullah Zaidi bin Meor Razali, Pengarah Jabatan Lanskap Majlis Bandaraya Ipoh. Beliau adalah pencetus inovasi eZe3@mbi, aplikasi inventori pokok menggunakan telefon mudah alih yang telah memenangi Anugerah Harta Intelek Negara 2017. Beliau juga merupakan Pengerusi Persatuan Arkitek Lanskap Awam Malaysia (PALMA). Bicara Inspirasi akan memfokuskan kepada perancangan dan usaha Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) dan beliau dalam menaikkan imej lanskap bandaraya Ipoh sehingga mendapat jolokan sebagai hipster town dan pengiktirafan *Lonely Planet's top 10 places to visit in Asia*.

**Boleh tuan berkongsi latarbelakang perkhidmatan, organisasi tempat berkhidmat serta perwakilan tuan dalam organisasi perkhidmatan lanskap?**

Saya merupakan antara graduan pertama Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dalam pengajian Ijazah Senibina Lanskap pada tahun 1996. Pernah berkhidmat di firma perunding lanskap OTLA Design Partnership and Aroma Tropic Sdn Bhd sebelum menjawat jawatan Arkitek Lanskap di MBI dalam tahun 1998. Sejak tahun 2012 memegang jawatan Pengarah Jabatan Lanskap MBI, iaitu pertama kali jawatan ini disandang oleh Arkitek Lanskap. Sebelum ini jawatan tersebut disandang oleh Pegawai Tadbir.

Pada tahun 2017 dilantik sebagai Pengerusi Persatuan Arkitek Lanskap Awam Malaysia (PALMA) yang merupakan pertubuhan berdaftar yang menaungi profesi Arkitek Lanskap. Saya pernah terlibat dalam kajian etnobotani masyarakat Semelai dan Jakun di Tasik Bera dan Tasik Chini dari tahun 2004 hingga 2006 yang dikendalikan oleh Fakulti Alam Bina UTM. Kajian ini mengenai penggunaan tumbuh-tumbuhan dalam kehidupan sehari-hari masyarakat berkenaan. Saya serta beberapa kakitangan Jabatan Lanskap MBI juga merupakan sukarelawan dalam projek pembinaan perumahan orang asli di Tapah yang dilaksanakan oleh Universiti Putra Malaysia pada pertengahan tahun 2017. Penyertaan kakitangan bertujuan untuk meningkatkan kemahiran dalam kerja-kerja pembinaan.

Lawatan tapak warisan di Dataran Jam JWW Birch



**Ipoh adalah PBT kedua diisytihar berstatus bandaraya pada tahun 1988. Apa ciri-ciri keunikan bandar ini yang menjadikan Ipoh nyata berbeza dari bandaraya lain di Malaysia dan mungkin juga di Asia Tenggara?**

Dari aspek sejarah, pihak British mengakui Ipoh adalah bandar kedua utama di negeri Perak selepas bandar Taiping. Sejak tertubuhnya Kinta Sanitary Board pada tahun 1950'an, Ipoh terus berkembang sebagai pusat perlombongan bijih timah dan bijih besi yang penting di Malaysia seiring dengan Kuala Lumpur. Bandar Ipoh juga dirujuk dengan nama jolokan *City that Tin Built*.

Keunikan Ipoh pada legasi tinggalan British. Antara monumen dan infrastruktur unik yang ada adalah rumah kedai lama, stesen keretapi, bangunan dewan bandaran, pejabat pos, menara jam JWW Birch, padang awam yang di panggil 'Ipoh Padang' dan lain-lain kemudahan. Daripada aspek seni bina, kebanyakkan bangunan lama awam dan swasta di Ipoh direkabentuk oleh arkitek BM Iversen, salah seorang pelopor *modernist architecture* di Asia Tenggara pada tahun-tahun sebelum dan selepas kemerdekaan negara. Hasil rekabentuk bangunan beliau juga boleh didapati di Kuala Lumpur, Singapura dan Pulau Pinang.

Seterusnya, walaupun Ipoh mempunyai ciri-ciri yang melayakkkan bandar ini mendapat pengiktirafan UNESCO World Heritage Sites, namun kita berpandangan pengiktirafan berkenaan mempunyai kriteria yang sangat *rigid* untuk dipatuhi bagi mengekalkan status pengiktirafan. Sungguhpun demikian, MBI sebagai pihak berkuasa merancang tempatan mempunyai strategi dan inisiatif untuk memastikan keunikan bandar Ipoh terus terpelihara. Antaraan projek yang dilaksanakan bersama Jabatan Lanskap Negara pada tahun 2000 untuk menaiktaraf kemudahan lanskap di Ipoh Padang bagi membolehkan masyarakat menggunakan padang berkenaan dengan selesa di samping menghargai nilai sejarah padang berkenaan.

**YAB Menteri Besar Perak pernah menyatakan bahawa Ipoh dan bandar-bandar lain mesti mengekalkan identiti dan menambahbaik tempat menarik yang ada. Apakah perancangan yang telah dibuat oleh MBI bagi menyahut seruan ini dan sejauh mana pencapaiananya?**

Pekan Lama Ipoh atau lebih dikenali Ipoh Old Town adalah satu tempat yang kaya dengan warisan sejarah pada era penjajahan British dan kegemilangan industri perlombongan. Wajar diungkapkan bahawa tidak lengkap kehadiran seseorang ke Ipoh jika tidak berkunjung ke pekan ini. Atas dasar itu, MBI dengan kerjasama PLANMalaysia telah menyediakan Rancangan Kawasan Khas (RKK) Pekan Ipoh Bandar Warisan Bijih Timah 2020. RKK Pekan Ipoh merupakan rancangan pemajuan yang disediakan untuk pelaksanaan segera bagi pembangunan semula kawasan dalam pusat bandar dan kawasan berkepentingan warisan.

Dalam aspek pemuliharaan warisan, melalui RKK ini 14 ikon telah diwartakan sebagai mercu tanda Ipoh seperti Stesen Keretapi Ipoh, Dewan Bandaran Ipoh dan Tugu Peringatan JWW Birch.

Terdapat 7 teras pembangunan RKK Pekan Ipoh. Teras yang terlibat secara langsung dengan lanskap dan persekitaran perbandaran adalah pemeliharaan dan pengukuhan imej, rekabentuk, aktiviti dan ruang awam, pengurusan sirkulasi dan aksesibiliti ruang bandar sebagai bandar transit dan penaiktarafan infrastruktur bandar bagi menyokong pembentukan bandar warisan yang efisien.

Pelaksanaan pelan tindakan RKK Pekan Ipoh melibatkan komponen sektor awam dan pemilik bangunan. Sehingga kini hampir 60% daripada pelan tindakan yang digariskan dalam RKK Pekan Ipoh telah dilaksanakan.

Kejayaan pelaksanaan pembangunan semula kian dirasai. Bandar Ipoh dikaitkan sebagai *hipster town* di Malaysia yang mampu menarik kehadiran anak-anak muda. Bukan sekadar itu, majalah pelancongan *Lonely Planet's* menyenaraikan Ipoh sebagai 10 tempat teratas untuk dilawati di Asia dalam tahun 2016 dan Perak sebagai 10 wilayah teratas untuk dilawati tahun 2017.



**Dalam aspek landskap perbandaran, apa perancangan spesifik berkaitannya yang telah dilaksanakan?**

Jabatan Landskap MBI menterjemahkan 3 teras RKK Pekan Ipoh yang ada kaitan langsung dengan landskap perbandaran melalui pendekatan peningkatan rangkaian pejalan kaki, peningkatan teduhan dengan penanaman pokok utama, memperelokkan mercu tanda dan menyediakan kemudahan sokongan di tempat tumpuan awam.

Melalui kerjasama jabatan-jabatan teknikal MBI, kita telah menyediakan pelan konsep pembangunan semula Dataran Stesen Keretapi Ipoh. Pelaksanaan projek ini telah dibiayai oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan. Disamping itu, Dataran Jam JWW Birch dan Medan Selera Dato Sagar yang merupakan antara mercu tanda penting bandar Ipoh juga telah dinaiktaraf.

Usaha pengukuhan imej Ipoh *Old Town* juga menyaksikan penglibatan, inisiatif dan pelaburan oleh pemilik rumah kedai dan pihak swasta untuk memulihara warisan alam bina dan budaya cara hidup kawasan ini. Sekeping Kong Heng misalnya adalah inisiatif swasta yang mengekalkan fasad bangunan rumah kedai lama namun telah diberi nafas baru dari aspek perkhidmatan serta perniagaan yang disediakan. Manakala landskap di antara lorong kedai dan kaki lima bangunan juga diwujudkan.

Menyedari keperluan untuk meningkatkan akses orang awam untuk berjalan kaki sambil menikmati suasana kehidupan dan keindahan senibina bangunan warisan dan rumah kedai lama, MBI telah menambahbaik laluan pejalan kaki yang dinamakan heritage trail melewati Dataran Jam JWW Birch, lorong antara bangunan, hingga ke Sekeping Kong Heng dan seterusnya ke Jalan Panglima atau lebih dikenali sebagai *Concubine Lane*.

Laluan antara rumah kedai di Concubine Lane yang dinaiktaraf MBI

**Merujuk kepada visi Jabatan Landskap MBI untuk menjadikan Ipoh sebagai City in a Garden. Apa inisiatif yang telah dan akan dilaksanakan oleh MBI bagi mencapai matlamat ini?**

*City in a Garden* adalah wawasan YAB Menteri Besar Perak yang mahukan pembangunan landskap lestari di bandar Ipoh yang memberi manfaat kepada komuniti bandar sejarah dengan aspirasi nasional untuk menjadikan Malaysia Negara Taman Terindah. Wawasan ini diperkuuhkan pula dalam tahun 2012, bilamana Ipoh dinamakan antara 10 ikon pelancongan negeri Perak.

Menyahut wawasan kerajaan negeri, Pelan Strategik MBI 2013 – 2020 telah dirangka dan sedang dilaksanakan dalam semua peringkat pentadbiran dan penyampaian perkhidmatan. 10 teras strategik yang telah diketengahkan akan memandu arah MBI terhadap penyampaian perkhidmatan berkualiti kepada orang awam.

3 daripada teras berkenaan menterjemahkan visi *City in a Garden*. Teras-teras berkenaan adalah mempertingkatkan pembersihan dan pengindahan bandar, meningkatkan kecekapan pengurusan perancangan dan pelaksanaan pembangunan dan seterusnya memperkasakan kesejahteraan bandar. Disamping itu, terdapat 7 program kerja yang sedang dilaksanakan oleh Jabatan Landskap MBI bagi mencapai matlamat visi berkenaan.

Taman Rekreasi Gunung Lang



Laluan pejalan kaki yang menekankan aspek keseleraan dan keselamatan pengguna



**Bagaimana respon masyarakat sivil dan orang awam terhadap wawasan ini?**

MBI menerima pelbagai respon, namun kebanyakannya adalah positif kepada wawasan yang hendak dicapai. Beberapa komuniti di Kampung Manjoi dan Taman Bukit Kledang misalnya akan menubuhkan Rakan Taman bagi bersama-sama MBI menjaga dan menangani masalah vandalisme pada padang-padang permainan di kejiranan mereka.

Bukit Kledang merupakan lokasi yang popular untuk melakukan aktiviti pendakian, berjalan kaki dan penjelajahan hutan. Kemudahan landskap di tempat ini dibina dan diuruskan oleh masyarakat setempat. Ini merupakan satu inisiatif luar biasa daripada masyarakat yang mencintai keindahan landskap dan Jabatan Landskap MBI berperanan dalam memberi khidmat nasihat. Kami berharap kecintaan dan pembudayaan landskap oleh masyarakat dapat berkembang selari dengan wawasan menjadikan bandaraya dalam taman dapat dicapai bersama.

MBI juga mendapat penajaan projek pengindahan bulatan dan pulau jalan daripada pihak swasta. Antara badan korporat yang menunjukkan komitmen yang baik melalui program tanggungjawab sosial korporat adalah AEON Berhad, Genting Berhad dan TESCO Berhad. Pihak pemaju juga melaksanakan beberapa inisiatif, antaranya membina dan menyelenggara taman-taman kejiranan yang digunakan oleh orang awam.

Taman rekreasi Bukit Kledang



Taman Kejiranan di Taman Seri Botani dibangun dan diurus oleh pemaju



**Bicara tentang landskap dan pokok, fokus perbincangan pengamal bidang ini adalah bandar Taiping dan bukannya Ipoh. Apa ulasan tuan tentang ini?**

Diakui bandar Taiping mempunyai aset landskap yang tidak ternilai iaitu Taman Tasik Taiping dan pokok hujan-hujan yang berusia ratusan tahun. Nilai tambah kepada itu, pada masa ini Taman Botani Perak yang dibiayai oleh JLN sedang dalam peringkat pelaksanaan. Itu adalah kelebihan Taiping dan kita berharap usaha-usaha pemuliharaan yang dilaksanakan oleh Majlis Perbandaran Taiping dapat dicontohi oleh PBT lain.

Ipoh mempunyai tarikan yang berbeza. Pembangunan landskapnya fokus kepada landskap perbandaran di mana terdapat rangkaian taman poket yang dinaiktaraf dan ruang-ruang kecil yang dibangunkan memberi aspirasi landskap tersendiri. Pelaksanaan pelan tindakan RKK Pekan Ipoh dan perancangan, pembangunan dan pengurusan perbandaran yang lain mencorak Ipoh menjadi *hipster town* di Malaysia.

Bukan itu sahaja, kita juga membangun dan mengurus secara lestari anugerah semulajadi seperti bukit batu kapur dan sungai untuk tujuan rekreasi dan pemuliharaan. Taman Awam Gunung Lang, Tasik Cermyn dan Sungai Kinta misalnya adalah antara tarikan awam yang mendapat kunjungan ramai.

Kita juga sedang berusaha untuk menjadikan Gunung Rapat yang berkeluasan lebih 400 hektar sebagai kawasan rekreasi sepertimana yang telah disyorkan dalam Rancangan Tempatan Ipoh 2020. Jika ini dapat direalisasikan, Ipoh akan ada sebuah Taman Wilayah berlatar hutan batu kapur yang kaya dengan sumber alam semulajadi.

**Ipoh Old Town dan kawasan sekitarnya amat unik dari aspek senibina dan warisan budaya. Namun seperti bandar-bandar lama yang lain mengalami heritage vandalism di mana perobohan dan pengubahsuai bangunan dilakukan di luar kawalan. Selain itu pembangunan kawasan komersil baru menyebabkan ekonomi dan aktiviti di bandar lama menjadi lesu. Apa tindakan yang telah dilaksana oleh MBI untuk memberi nafas baru kepada pekan ini?**

Dari aspek fizikal, pelaksanaan pelan tindakan RKK Pekan Ipoh menunjukkan impak positif kepada kehadiran pengunjung dan pelancong di mana secara langsung menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi kawasan ini.

Sementara itu, pekan ini adalah kawasan komersial yang tidak ramai penduduk. Bagi menjadikan kawasan ini aktif dengan aktiviti maka MBI mengadakan inisiatif Gerbang Malam di mana kawasan tempat letak kereta dijadikan sebagai tapak perniagaan selepas jam 6 petang.

Selain itu pada setiap hari Ahad diadakan Ipoh Memory Lane yang menjual barang terpakai, antik dan sebagainya. Pada peringkat awal pelaksanaan inisiatif ini terdapat bantahan daripada peniaga-peniaga asal. Namun kini terdapat permintaan agar diwujudkan aktiviti serupa di kawasan lain dalam pekan lama kerana impak yang baik terhadap perniagaan mereka.

MBI akan memastikan kawalan pembangunan di Ipoh Old Town selaras dengan legasi pekan ini. Walau bagaimanapun kita tidak boleh menghalang sebarang pembangunan yang mahu dilaksanakan oleh pemilik bangunan. Namun kini kira-kira 90% pemilik mengekal dan memulihara bangunan asal manakala selebihnya disebabkan

**Adakah MBI memberi sebarang insentif kepada pemilik yang mengekal dan memulihara bangunan mereka?**

MBI tidak menyediakan sebarang insentif kerana impak pelaksanaan RKK Pekan Lama Ipoh serta permintaan pasaran terhadap perniagaan berkonsepkan *hipster* cukup bagus untuk pemilik mengekalkan struktur dan fasad bangunan sedia ada.

Pembangunan komersil dan kediaman kini menjurus kepada konsep *suave, sassy and cool* (bersemangat, hidup dan damai). Dalam kontek ini, bagaimana MBI mengawal dan mengolah landskap bandaraya agar sejarah dengan konsep ini?

Selain daripada rangkaian laluan pejalan kaki yang telah dibangunkan, MBI akan memperkasakan Sungai Kinta sebagai sebahagian daripada laluan berbasikal untuk membolehkan orang awam meneroka bandar Ipoh secara santai dan lestari. Jajaran laluan telah dikenal pasti dan kini pada peringkat menyelesaikan beberapa isu berkaitan persimpangan jalan dan laluan pejalan kaki. Idea menyediakan laluan berbasikal ini tercetus daripada budaya komuniti bandar yang suka berbasikal pada waktu-waktu tertentu dan acara tahunan Kayuhan Merdeka anjuran MBI yang melibatkan DYMM Sultan Perak dan kepimpinan negeri.

Selain itu kita juga menganjurkan hari tanpa kereta pada setiap hujung minggu bagi menggalakkan orang awam berbasikal dan berjalan kaki di Ipoh Old Town. Disamping itu, MBI juga telah menyediakan landskap lembut dan kejur berkONSEP klasik seperti bangku kayu daripada bahan *railway sleepers* di jajaran laluan pejalan kaki sebagai pendekatan lestari pembangunan dan pengurusan perbandaran.

Bangku kayu, pokok teduhan dan laluan pejalan kaki melengkapkan keunikan fasad bangunan lama



Antara lakaran mural dinding dalam Ipoh Old Town



Negara 2017 bagi inovasi eZe3@mbi. Boleh tuan kongsi tentang pencapaian ini?

eZe3@mbi adalah aplikasi inventori pokok menggunakan telefon mudah alih yang dibangunkan oleh MBI secara dalaman. Cetusan inovasi ini datangnya dari saya berdasarkan keperluan oleh pihak syarikat insuram untuk menandakan pokok teduhan pinggiran jalan bagi tujuan insuram liabiliti awam. Inovasi terilham berdasarkan pengalaman mengumpul data inventori pokok bagi kajian etnobotani masyarakat Semelai dan Jakun tentang bagaimana untuk menyemak semula data inventori yang dikumpul secara manual menggunakan GPS kepada data digital bagi memudahkan pengurusan data. Pembangunan aplikasi ini melibatkan kerjasama Unit Teknologi Maklumat MBI dan mendapatkan input profesional daripada arborist Jabatan Landskap MBI. Kejayaan eZe3@mbi telah mendapat pengiktirafan sebagai johan Anugerah Inovasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi (AIICT) negeri Perak 2014, MLAA Green City Award for Government and City Council Category 2016 dan Anugerah Harta Intelek Negara 2017.

Aplikasi ini telah dikomersialkan di mana sistem yang telah ditambah baik sedang diguna oleh PBT Negeri Melaka yang

dinamakan mytrees@melaka. Beberapa PBT lain juga sedang dalam peringkat rundingan untuk mengunakan aplikasi yang kita inovasikan ini.



**MLAA**  
*Excellence  
Award*

Pengiktirafan yang telah diterima oleh MBI dalam pembangunan aplikasi eZe3@mbi

Tuan adalah Pengerusi Persatuan Arkitek Lanskap Awam Malaysia (PALMA) yang baru ditubuhkan. Apa yang diperjuangkan oleh persatuan, keahlian dan aktiviti yang akan dilaksanakan?

PALMA menaungi perkhidmatan Arkitek Lanskap awam yang berkhidmat di peringkat persekutuan, negeri, PBT dan universiti. Persatuan ini baru diluluskan penubuhannya pada beberapa bulan yang lepas di mana kita memperjuangkan perkara-perkara berkaitan perkhidmatan terutama pada peringkat PBT. Harus diingat bahawa perkhidmatan Arkitek Lanskap adalah satu perjawatan yang agak baru dalam perkhidmatan kerajaan, maka ada beberapa perkara yang perlu diperhalusi bagi meningkatkan sumbangan penjawat jawatan ini kepada masyarakat sejajar dengan slogan 'Merakyatkan Perkhidmatan Awam' disamping untuk menambah baik skim perkhidmatan.

Keahlian adalah secara automatik bagi semua Arkitek Lanskap awam. Terdapat beberapa aktiviti yang telah dirancang pada peringkat jawatankuasa untuk dilaksanakan dalam tahun 2018.

Akhir wawancara, titipan kata-kata motivasi tuan kepada pembaca Buletin Lanskap Negara terutamanya kepada Arkitek Lanskap muda.

Sebuah kejayaan memerlukan tempoh masa yang panjang untuk dibina dan semangat kerja berpasukan adalah kunci kejayaan. Sebagai Arkitek Lanskap yang bekerja bersama profesion lain, kita perlu melakukan sesuatu di luar kebiasaan untuk memastikan perkhidmatan ini dianggap setara penting dalam menjayakan matlamat organisasi. Kita juga perlu berani berinovasi bagi mengutuh dan mengembangkan kerjaya.

## MPPG MENANG ANUGERAH INOVASI PEMBANGUNAN KEJIRANAN HIJAU

Penulis: LAr. Zanariah binti Kadir  
Bahagian Lanskap, Majlis Perbandaran Pasir Gudang, Johor

Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) telah menyertai Perlaksanaan Inisiatif Pembangunan Kejiranan Hijau Tahun 2016 di bawah beberapa kategori yang merangkumi laluan basikal, laluan pejalan kaki, pembangunan kebun kejiranan, pengkomposan sisa pepejal dan sistem pengumpulan dan penggunaan semula air hujan anjuran PLANMalaysia. Di MPPG, Jabatan Perancang Bandar melalui Unit Pembangunan Lestari bertindak sebagai urusetia yang bertanggungjawab menyelaras program ini.

Sistem pengumpulan dan penggunaan semula air hujan (SPAH) yang dilaksanakan memberi fokus kepada promosi pemasangan SPAH di peringkat awal dengan mengenalpasti bangunan awam yang diuruskan oleh MPPG. Contohnya, tapak semaiannya di bawah pengurusan Bahagian Lanskap dan juga gerai jualan Semai Bakti dibawah pengurusan Unit Industri di mana kaedah penyimpanan air di nurseri berfungsi untuk penyiraman semula pokok-pokok hiasan.

Perlaksanaan di kawasan perindustrian pula, SPAH telah diwartakan oleh kerajaan Negeri Johor pada 29 Mac 2012. MPPG bersetuju perlaksanaan SPAH berkuatkuasa terus kepada semua pembangunan yang dinyatakan dalam Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (Pindaan) 2012. MPPG telah mengenakan syarat pemasangan SPAH untuk Bangunan Dalam Kelulusan Pelan Pembangunan. Bagi semua pemajuhan pelan bangunan di peringkat penyediaan dan rounding cara perlu mengemukakan pelan yang mengklifikasikan SPAH sepetimana di dalam SENARAI SEMAK: BORANG PRE CONSULT BANGUNAN. Bagi permohonan kilang baru, MPPG juga mewajibkan SPAH untuk diguna pakai.

Pada tahun 2016 MPPG telah berjaya menerima Anugerah Penghargaan Melaksanakan Inisiatif Pembangunan Kejiranan Hijau Peringkat Kebangsaan Bagi Kategori Perbandaran bagi Sistem Pengumpulan Penggunaan Semula Air Hujan.



Nurseri MPPG



Air hujan dikumpul untuk kegunaan nurseri



YB Tan Sri Noh bin Hj Omar Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyampaikan hadiah kemenangan bersempena Karnival Kesejahteraan Bandar 2016 di Dataran Merdeka.

# BU SENG CHONG NURSERY SDN BHD

## PENEROKA INDUSTRI SEMAIAN

Penulis: Mansor bin Mohamad  
Bahagian Promosi dan Industri Lanskap

Perusahaan tapak semaihan atau nurseri tanaman hiasan dan landskap merupakan antara komponen penting dalam pembangunan dan perkembangan industri landskap. Kepentingan perusahaan yang wajar dinisbahkan sebagai *green industry* ini melampaui persempadanan negara, di mana industri tempatan ini merupakan pembekal utama tanaman hiasan dan landskap bagi negara-negara rantau Asia Tenggara terutama bagi Singapura dan Brunei. Di Singapura misalnya, hampir 80 peratus keperluan tanaman hiasan dan landskap dibekalkan oleh pengusaha-pengusaha dari Malaysia.

Satu nama yang tidak asing dalam industri tanaman hiasan dan landskap adalah Bu Seng Chong Nursery Sdn Bhd yang berpengkalan di Kampung Parit Mohamad, Jalan Bukit Bakri, Muar, Johor. Buletin Lanskap Negara berkesempatan untuk mewawancara pusat pengeluaran nurseri berkenaan dan menemuramah Encik Bu Yow Meng, Pengarah Eksekutif syarikat berkenaan. Sebagai pengenaluan, beliau merupakan salah seorang daripada Ahli Pasukan Kerja Pembangunan Malaysia Standard bagi bahan tanaman landskap di bawah Jabatan Standard Malaysia. Selain itu, beliau merupakan mantan Pengerusi Persatuan Industri Semaian Johor (PISJ) dan berpengalaman luas dalam pembekalan bahan tanaman landskap bagi projek-projek padang golf, perumahan, perbandaran dan lebuhraya di Malaysia dan Singapura.



Bu Seng Chong Nursery Sdn Bhd di Muar, Johor



Sesi wawancara bersama Pengarah Eksekutif syarikat En. Bu Yow Meng

### Warisan Keluarga

Perniagaan ini dimulakan oleh ayah beliau Bu Seng Chong lebih daripada 50 tahun yang lalu, dimana beliau adalah orang yang bertanggungjawab merintis industri tanaman hiasan dan landskap di daerah Muar khususnya dan negeri Johor amnya. Bu Seng Chong melihat usaha kerajaan Singapura untuk memperindahkan negara berkenaan melalui kempen ‘The Greening of Singapore – 1963’, ‘Garden City Vision – 1967’ dan ‘Tree Planting Day – 1971’ sebagai satu peluang untuk memulakan perniagaan membekalkan tanaman hiasan dan landskap ke negara berkenaan. Bermula dari saat itu dan diikuti pula oleh usaha-usaha perlandskapan yang giat dilaksanakan di Malaysia pada awal tahun 1990'an, perusahaan keluarga ini terus berkembang. Sehingga kini Bu Seng Chong Nursery Sdn Bhd mengusahakan 300 ekar kawasan nurseri dan mengajikan seramai 100 orang pekerja. Menjawab pertanyaan mengapa memiliki perniagaan ini berbanding yang lain seperti perumahan dan harta tanah yang menjanjikan pulangan pelaburan yang lebih lumayan, Bu Yow Meng menyatakan kecintaannya kepada kehijauan, alam sekitar yang sejahtera dan pembentukan persekitaran kehidupan yang lebih baik mendorong beliau meneruskan perniagaan ini. Disamping itu, perniagaan ini juga membawa pulangan yang lumayan.



Sesi lawatan ke tapak semaihan



Kawasan tanaman pokok di tapak semaihan terbuka

### Cabarani Industri

Industri semaihan adalah antara industri yang memerlukan tenaga pekerja yang banyak (*labour intensive*) dan mempunyai unsur 3D iaitu *dirty, difficult and danger*. Faktor ini menyebabkan industri ini menghadapi masalah kekurangan tenaga pekerja yang mendesak. Menurut Bu Yow Meng, industri semaihan di negeri Johor memerlukan sekurang-kurangnya 10,000 pekerja dalam tempoh tiga tahun. Sementara itu hanya sekitar 10 hingga 20 peratus sahaja warga tempatan yang sanggup bekerja dalam industri ini dan melibatkan mereka yang berusia melebihi 50 tahun. Menurut beliau lagi, industri semaihan sentiasa membuka peluang kepada warga tempatan terutama

belia untuk bekerja dalam sektor ini, namun tidak mendapat sambutan sehingga berlakunya kekurangan tenaga kerja. Bagi mendepani masalah tenaga pekerja, industri semaihan secara berperingkat telah beralih kepada penggunaan mesin dan jentera.

Pasaran yang baik dan berdaya saing juga adalah antara faktor yang akan memangkin pertumbuhan positif industri. Bu Yow Meng menyatakan pada masa kini pasaran bahan tanaman landskap dan hiasan di Malaysia telah tewp yang memperlakukan perkembangan industri. Menurut beliau lagi, Malaysia mampu mengeluarkan bahan tanaman yang berkualiti dan negara-negara Asia Tenggara seperti Indonesia, Brunei dan Philipina adalah antara pasaran baru yang sangat berpotensi untuk diterokai selain pasaran tradisi sediada dari Singapura dan Timur Tengah.

Seterusnya beliau menyatakan tanah adalah sumber yang sangat penting dalam industri semaihan. Walaupun pada masa ini di negeri Johor tanah bukan satu masalah kritis, namun jika pihak industri dapat mengusahakan tanah-tanah kerajaan yang masih belum dibangunkan, maka ia memberi pilihan yang lebih baik dan murah kepada pengiat industri.



Kawasan tanaman pokok dan renek di tapak semaihan berbunga



### Harapan Industri

Mendepani isu dan cabaran semasa dalam industri, Bu Yow Meng mengutarakan beberapa pandangan dan harapan untuk memastikan industri semaihan terus berdaya saing. Sepertimana industri dan teknologi hijau dalam perkhidmatan tenaga, pengangkutan, bangunan dan pengurusan sisa yang mendapat insentif dalam bentuk elaun cukai pelaburan bagi pembelian aset teknologi hijau dan pengecualian cukai pendapatan, beliau berpandangan industri semaihan landskap dan tanaman hiasan juga sepatutnya diberi faedah yang sama. Pandangan beliau berdasarkan kepada justifikasi bahawa industri semaihan landskap menyumbang kepada penghijauan persekitaran yang memberi faedah langsung dan tidak langsung kepada habitat, manusia, alam sekitar dan ekonomi negara.

Berhubung dengan isu tenaga pekerja asing, beliau berharap agar pihak kerajaan dapat mempertimbangkan pandangan agar prosedur kelulusan diper mudahkan supaya tempoh masa mendapatkan pekerja asing boleh dipercepatkan. Pada masa kini, terdapat beberapa jabatan atau agensi yang perlu memberi perakuan kepada permohonan pihak majikan sebelum kuota diluluskan oleh negara asal pekerja di mana kesemua prosedur itu mengambil masa sekurang-kurangnya 6 bulan sebelum pekerja asing boleh dibawa masuk.

Seterusnya beliau sangat berharap agar pihak kerajaan melalui agensi seperti MATRADE (*Malaysia External Trade Development Corporation*) dan Jabatan Lanskap Negara dapat melaksanakan aktiviti promosi bahan tanaman landskap dan hiasan di luar negara. Berdasarkan pengalaman beliau, bahan tanaman landskap dan hiasan keluaran Malaysia mempunyai potensi pasaran yang sangat besar di luar negara namun tiada usaha-usaha promosi secara komprehensif dilaksanakan.

Menyentuh tentang penggunaan standard pengeluaran bahan tanaman landskap seperti MS 2603:2015 *Landscape planting materials – Trees – Specification*, beliau sangat positif bahawa bahan tanaman yang memenuhi standard akan meningkatkan kebolehpasaran produk pada peringkat antarabangsa. Di akhir bicara beliau berharap agar amalan pelaksanaan projek landskap di Malaysia dapat ditambah baik melalui penggunaan jentera dan peralatan yang bersesuaian pada peringkat pengeluaran bahan tanaman, penanaman dan penyelenggaraan pokok. Disamping itu teknik penanaman juga perlu dipertingkatkan sesuai dengan persekitaran perbandaran yang mencabar. Pihak perunding, kontraktor dan agensi yang melaksanakan projek landskap, menurut beliau harus melihat teknik penanaman yang diamalkan di luar negara untuk diadaptasi amalannya di Malaysia.

**BENGKEL / KURSUS**

Senarai latihan Jabatan Landskap Negara bagi bulan Julai sehingga Disember 2017

BIL.	TAJUK	TARIKH	TEMPAT
A	<b>KURSUS UMUM</b>		
1.	Pemantapan Integriti Dan Organisasi Berkesan	10-11/9/2017	Masjid Fi Sabillillah Cyberjaya
2.	Safety Health Officer	26/9/2017	Jabatan Landskap Negara
3.	Pengurusan dan Komunikasi Dengan Media Massa	6/9/2017	Wisma BERNAMA

**B KURSUS FUNCTIONAL**

4.	Pengurusan Projek bagi Projek Bermasalah; Pengurusan Di Tapak Bina	30-31/10/2017	Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)
5.	Pengurusan Aset Kerajaan	1-5/10/2017	Akademi Pengangkutan Jalan (JPJ), Langkawi
6.	Bengkel Inovasi Landskap	10-11/8/2017	Bilik Latihan 4, Jabatan Pegawai Negara
7.	Makmal Indeks Negara Taman Siri III	10-12/10/2017	Bilik Latihan Tingkat 26, (JKT) KPKT
8.	Bengkel MS ISO9001-2015	20-22/11/2017	Institut Perakaunan Negara, JANM Cyberjaya
9.	Pengurusan Kontrak	18-19/9/2017	Bilik Tanjung, Aras 11, KPKT
10.	Penilaian Ekonomi Landskap	10-12/10/2017	Institut Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (IDBKL)
11.	Makmal Indeks Negara Taman Siri V	1-3/11/2017	Institut Latihan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (ILKPKT)
12.	Pembangunan Rekabentuk 3D Perisian Lumion	3&4/10/2017	Neofama Training Centre, Petaling Jaya
13.	Ekplorasi Lapangan Landskap	6-8/9/2017	Kuala Selangor & Sabak Bernam

**C SESI PERKONGSIAN ILMU (SPI)**

14.	Latihan Teknikal di Pusat Konservasi Tumbuhan (PKT) di Kebun Raya Bogor, LIPI, Indonesia	2/8/2017	Jabatan Landskap Negara
15.	Keselamatan Perlindungan	24/7/2017	Jabatan Landskap Negara

BIL.	TAJUK	TARIKH	TEMPAT
A	<b>KURSUS UMUM</b>		
16.	Lawatan Kerja dan Perkongsian Ilmu	25/7/2017	Wisma Lafarge, Petaling Jaya
17.	Lawatan Berpandu sempena LAX '17	14-16/9/2017	Pusat Konvensyen Kuala Lumpur
<b>D MENGHADIRI KURSUS SWASTA/BERBAYAR</b>			
18.	Seminar Arborikultur: Perancangan Dan Pengurusan Pokok Ameniti	10-11/7/2017	Hotel KSL & Resorts, Johor Bahru
19.	Interpretasi Persekutaran 2017	24-27/7/2017	Flamingo Hotel, Ampang Selangor
20.	9th International Conference On World Class Sustainable Cities 2017 (WCSC2017)	08/10/17	The Royale Chulan, Kuala Lumpur
21.	Professional Managerial Development Programme	28-29/8/2017	The Boulevard Hotel, Mid Valley City, KL
22.	Urban Environmental Accords (UEA) Melaka Summit 2017	7-9/9/2017	A' Famosa Resort Hotel, Melaka
23.	3rd Annual Asia Pacific Smart Cities Forum	12-13/9/2017	Intercontinental Hotel Kuala Lumpur
24.	3rd World Congress On Infrastructure Asset Management (INFRAASSETS3)	30-31/10/2017	Bangi-Putrajaya Hotel
25.	Quantity Surveying International Convention (QSC)	11-12/10/2017	Sunway Putra Hotel
26.	Persidangan Akauntan Antarabangsa MIA Tahun 2017	7-8/11/2017	Pusat Konvensyen Kuala Lumpur
27.	ILAM-MGB GBI Professional Series Farming In Community Planning	27-28/9/2017	Vivatel, KL & Kundang Estates (ILKPKT)
28.	SPARK 2017: International Landscape Architecture Dialogue	25&26/10/2017	PAM Centre, Bangsar
29.	Pra Persaraan Lanjutan	28-29/11/2017	My Hotel, Langkawi

## PROGRAM PEMBUDAYAAN LANDSKAP

Penulis: Kamarulariffin bin Ab Rahim  
Bahagian Promosi dan Industri Lanskap

Program Pembudayaan Lanskap bertujuan untuk meningkatkan kefahaman, pengetahuan, kemahiran dan kesedaran golongan sasar mengenai lanskap dan persekitaran yang selesa. Selain itu untuk memupuk sifat tanggungjawab masyarakat untuk memelihara alam sekitar. Pada tahun 2017, sebanyak 12 projek telah dilaksanakan melibatkan pelajar sekolah, institusi pengajian tinggi dan kawasan kejiranan.

BIL.	LOKASI
1.	Rumah Bakti Dato Harun, Ampang, Selangor.
2.	Asrama Damai Anak-anak Yatim Kuang, Selangor.
3.	SK Taman Melawati 2 Kuala Lumpur.
4.	SK Seri Murni, Batu Caves, Kuala Lumpur.
5.	SK Segambut Dalam, Kuala Lumpur.
6.	Taman Paya Rumput, Melaka.
7.	Kolej Kemahiran Tinggi Mara, Kemaman, Terengganu.
8.	SK Tiram Jaya, Tanjung Karang, Selangor.
9.	1PIC Taman Radin Jaya, Tanjung Karang, Selangor.
10.	1PIC Taman Masria, Tanjung Karang, Selangor.
11.	1PIC Taman Seri Desa, Tanjung Karang, Selangor.
12.	1PIC Taman Seri Setia, Tanjung Karang, Selangor.



Acara penanaman pokok dan penyerahan tapak di Rumah Bakti Dato Harun, Ampang, Selangor.



Bengkel rekabentuk lanskap yang dilaksanakan di Asrama Damai Anak-anak Yatim Kuang, Selangor.



Acara penanaman pokok dan penyerahan tapak di Asrama Damai Anak-anak Yatim Kuang, Selangor.



En. Meor Saadon Sofian bin Mior Razali, Timbalan Ketua Pengarah Dasar melepaskan 2 ekor burung merpati dalam gimik perasmian di SK Taman Melawati 2 Kuala Lumpur



Bengkel rekabentuk lanskap yang dilaksanakan di SK Tiram Jaya, Tanjung Karang, Selangor.



Acara penanaman pokok dan penyerahan tapak di Taman Paya Rumput, Melaka.

## AKTIVITI AKRAB 2017

Penulis: Shaziatul binti Mat Kasiri  
AKRAB JLN

### 1) LAWATAN SAMBIL BELAJAR KONSEP FREE SHOP DI PASAR WAFA, TAMAN ORIMA SRI GOMBAK, SELANGOR DARUL EHSAN - 27 APRIL 2017

PasarWafa® merupakan satu ruang atau tempat kecil yang dicipta di dalam persekitaran pejabat atau tempat kerja di mana iaanya menjadi nadi sebaran kasih sayang sesama komuniti di situ dengan menggunakan kaedah sumbangan makanan asas secara percuma pada setiap bulan sebagai medium cetusan kasih sayang.



#PasarWafa

### 2) KURSUS PASCA RAKAN PEMBIMBING PERKHIDMATAN AWAM (AKRAB) 2017, ANJURAN UNIT PENGURUSAN PSIKOLOGI, BAHAGIAN SUMBER MANUSIA, KPKT PADA 13-15 SEPTEMBER 2017, INSTITUT PENGURUSAN PELADANG, LANGKAWI, KEDAH



Peserta kursus bergambar kenangan sebaik tiba di Jeti Langkawi



Sebahagian peserta sedang mengikuti kursus yang dianjurkan



### 3) PERSIDANGAN AKRAB DAN PSIKOLOGI MODAL INSAN DI PICC - 9 OKTOBER 2017



### 4) PERSEMBAHAN SERTA PAMERAN PSIKOLOGI DAN AKRAB BAGI HARI BERTEMU PELANGGAN ANJURAN BAHAGIAN SUMBER MANUSIA, KPKT



### 5) PROGRAM MOTIVASI ANAK SOLEH SOLEHAH, KPKT



**KELAB KEBAJIKAN JABATAN LANDSKAP NEGARA**

Penulis: Muhammad Fakri Zaki Abadi bin Ahmad Zairai  
Bahagian Teknologi Maklumat

**Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2017**

Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2017 peringkat Jabatan telah diadakan di aras 11, Jabatan Landskap Negara pada 18 Julai 2017.

**Aktiviti Ziarah Warga JLN**

Pada 5 September 2017, Kelab Kebajikan JLN telah menziarah serta menyampaikan sumbangan dari warga JLN kepada En. Shamsudin bin Ripin yang sedang menjalani rawatan penyakit kanser.

**PERSIDANGAN DAN EKSPOLANDSKAP ASIA 2017 (LAX 17)**

Penulis: Noor Ashura binti Shuib  
Bahagian Dasar dan Pengurusan Korporat

Persidangan dan Ekspo Landskap Asia 2017 atau *Landscape Asia Expo and Conference 2017 (LAX17)* dianjurkan oleh EG Group Holdings Sdn Bhd dengan kerjasama Jabatan Landskap Negara, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah diadakan pada 14 hingga 16 September 2017. Persidangan berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) dan dirasmikan oleh YB Tan Sri Noh bin Haji Omar Menteri KPPT yang diwakili oleh Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara (JLN). Ekspo ini memfokuskan kepada kepakaran pembinaan taman, rekreasi, seni bina landskap, binaan, reka bentuk, peralatan, mesin, teknologi dan bekalan dalam bidang landskap.

Ekspo ini telah disertai oleh 120 penggiat industri yang terdiri daripada pembekal alatan permainan, nurseri serta pemaju perumahan. Ianya telah dikunjungi oleh 2,000 orang dari kalangan pihak berkuasa tempatan (PBT), agensi kerajaan dan orang awam.



Gimik perasmian LAX17




Ucapan perasmian oleh Ketua Pengarah JLN, Tuan Haji Esa bin Haji Ahmad



Perasmian LAX17



Lawatan ke pameran LAX



Pembentangan *The Status of Landscape Industry in Malaysia* oleh Mohd Saifuddin Ali, Penolong Pengarah KanaAn, JLN

**LAWATAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN TAMAN PERINDUSTRIAN HI-TECH KULIM (PBTPHTK)**

Penulis: Lailatul Badariah binti Mohd Ikmal Hisham  
Bahagian Dasar dan Pengurusan Korporat

Satu lawatan daripada Pihak Berkuasa Tempatan Taman Perindustrian Hi-Tech Kulim, (PBTPHTK) Kedah yang diketuai oleh Tuan Syed Khairol Anuar Bin Syed Abidin selaku Yang DiPertua PBTPHTK telah diadakan pada 28 Ogos 2017 di Bilik Mesyuarat Utama Aras 7, Jabatan Landskap Negara. Lawatan ini bertujuan untuk mendapatkan khidmat nasihat meningkat taraf landskap dalam kawasan pentadbiran PBTPHTK. Sesi perbincangan ini telah dipengerusikan oleh Dr. Mazilah binti Simis, Pengarah Bahagian Dasar dan Pengurusan Korporat.



Pembentangan oleh Tuan Syed Khairol Anuar Bin Syed Abidin, Yang DiPertua PBTPHTK.

Sesi penyampaian cenderamata kepada PBTPHTK.

Sesi bergambar

## 12TH INTERNATIONAL CONFERENCE ON URBAN REGENERATION AND SUSTAINABILITY DI SEVILLE DAN LAWATAN KERJA KE ALHAMBRA, GRANADA, SEPANYOL

Penulis: Lailatul Badariah binti Mohd Ikmal Hisham  
Bahagian Dasar dan Pengurusan Korporat

Pada 16 hingga 20 September 2017, Tuan Haji Esa bin Haji Ahmad, Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara (JLN) bersama-sama Dr. Mazifah binti Simis, Pengarah Bahagian Dasar dan Pengurusan Korporat telah menghadiri 12th International Conference on Urban Regeneration and Sustainability atau lebih dikenali sebagai Sustainable City 2017 di Seville, Sepanyol serta lawatan kerja ke Alhambra, Granada, Sepanyol. Seminar antarabangsa ini telah dihadiri oleh 120 orang peserta daripada 33 buah negara.



Perasmian seminar oleh pengerusi Wessex Institute



Pembentangan kertas kerja oleh Dr. Mazifah binti Simis

Topik utama seminar adalah berkenaan bandar mampan dengan fokus khusus kepada pembangunan semula perbandaran (urban regeneration) dan kemampunan (sustainability). Sebanyak 70 kertas kerja telah dibentangkan sepanjang sesi seminar yang berlangsung dari 18 sehingga 20 September 2017. Dr. Mazifah binti Simis telah membentangkan kertas kerja bertajuk *Urban Landscape: From Urban Beautification to Sustainable Landscape Development*. Kertas kerja ini telah dinilai oleh Wessex Institute dan telah diterima untuk diterbitkan sebagai conference proceeding.

Seterusnya aktiviti apresiasi landskap telah dilakukan untuk mengoptimumkan pengalaman teknikal semasa berada di Seville dan Granada. Menerusi aktiviti ini peserta menganalisa keberkesanan perancangan, pembangunan dan pengurusan landskap di kedua-dua bandar.

### Lawatan Kerja Alhambra, Granada, Sepanyol

Lawatan kerja Alhambra telah diadakan pada 22 September 2017. Alhambra adalah suatu nama besar dalam sejarah Islam dan senibina landskap. Mengunjungi Alhambra adalah seperti membuka helaian buku sejarah kegembiran Islam di benua Eropah dan mempelajari asal usul keunikan senibina landskap Islam.

### Perincian Kawasan Lawatan

#### Pintu masuk utama

Kawasan pintu masuk utama Alhambra dilengkapi dengan kawasan menunggu, tempat pembelian/pengesahan tiket dan kedai cenderamata. Tiada kawasan tempat letak kereta berhampiran pintu masuk kerana kenderaan hanya dibenarkan untuk menurunkan penumpang dan meletak kenderaan di tempat yang telah ditetapkan, iaitu berada dalam jarak lebih dari 1km. Jumlah ruang tempat letak kereta yang terhad juga menyebabkan pengunjung memilih untuk menggunakan kenderaan awam.

Tempat menunggu merupakan ruangan terbuka yang hanya diteduh dengan pokok-pokok citrus dan tempat duduk berpayung. Didapati rekabentuk berkoncep ringkas ini bersesuaian dengan gaya santai pengunjung Eropah yang suka menikmati cahaya matahari pada musim panas. Pengunjung Alhambra masuk secara berkumpulan mengikut masa yang ditetapkan dengan diiringi oleh seorang pemandu pelancong. Berdasarkan pemerhatian didapati pada satu tempoh masa lawatan yang dianggarkan mengambil masa 2 jam, lima kumpulan pelancong seramai 20 orang bagi setiap kumpulan akan memasuki Alhambra secara serentak. Proses ini memudahkan proses pengesahan tiket dan dapat mengelakkan kesesakan semasa lawatan berpandu.



Tempat pengesahan tiket



Tempat menunggu



Kedai cenderamata yang menjadi pusat berkumpul pengunjung

#### Nasrid Palace

Nasrid Palace adalah kawasan tumpuan utama Alhambra. Ia merupakan kawasan istana pemerintah Islam Andalusia. Keindahan senibina bangunan dengan keunikan ukiran kaligrafi di dinding dan bumbung bangunan, serta pancuran air dan taman adalah daya tarikan utama Nasrid Palace. Gate of Justice, Chamber of Comares, Court of the Myrtles dan Court of the Lions adalah antara monumen utama Nasrid Palace.

#### Gate of Justice

Gate of Justice adalah symbolic icon bagi Alhambra. Rekabentuknya dipenuhi dengan falsafah Islam yang melambangkan kepercayaan seorang Muslim kepada agamanya yang diterjemahkan menerusi bilangan tiang utama (columns) dan ukiran. Ada pendapat yang menyatakan Gate of Justice adalah ibu kepada semua pintu gerbang di Alhambra.



Tempat pengesahan tiket



Tempat menunggu

#### Chamber of Comares

Chamber of Comares adalah dewan utama kepada semua istana yang terdapat di Nasrid Palace. Mengikut sejarah, di sinilah tempat pertemuan sultan dengan pegawai pentadbiran dan tentera. Ia merupakan dewan rasmi untuk penyerahan peralatan ketenteraan. Terdapat pelbagai pendapat berkenaan asal usul nama Comares. Ada yang menyatakan ia membawa maksud open your eyes and see dan ada yang menyatakan ia merujuk kepada kehalusan seni ukiran Islam. Namun pastinya, apabila berada di Chamber of Comares, mata pengunjung tertumpu sepenuhnya kepada keunikan ukiran, sama ada yang terdapat di tiang, dinding ataupun bumbung.



Keunikan ukiran kaligrafi Islam memenuhi dinding dan bumbung di Chamber of Comares

### Court of the Myrtles

Court of the Myrtles dinamakan bersempena rimbunan pokok renik *mirth* berbentuk pagaran yang terdapat di sepanjang kolam. Kolam berukuran 34 meter panjang dan 7 meter lebar merupakan struktur utama dalam rekabentuk Court of the Myrtles. Ia bukan sahaja menonjolkan keindahan estetika tetapi juga melambangkan kepada penyucian diri seorang Muslim. Pantulan bayangan yang terhasil dari pancaran cahaya matahari yang jatuh kepada pancuran air dijadikan tanda penentuan waktu solat. Keseluruhan laman ini yang dilitupi dengan marmar berwarna putih menimbulkan kesan persekitaran dan perasaan yang tenang.



Keindahan Court of Myrtles

### Court of the Lions

Ianya merupakan laman utama bagi Nasrid Palace. Taman yang dibina di tengah-tengah Palace of the Lions ini berukuran 35 meter panjang dan 20 meter lebar, serta dikelilingi 124 batang tiang yang diperbuat dari marmar putih dan dipenuhi dengan keunikan ukiran Sebka. Dinyatakan laman ini dibina bagi menonjolkan kekuasaan Dinasti Nasrid yang diterjemahkan menerusi pembinaan air pancuran yang disokong oleh 12 struktur singa yang dinamakan *Lion Fountain*. Air pancuran keluar dari mulut singa pada setiap waktu solat bagi membolehkan sultan berwuduk. Namun kini, struktur singa tidak lagi mengeluarkan air kerana *Lion Fountain* sedang dalam proses pemuliharaan.



Lion Fountain

Tiang marmar putih dengan ukiran Sebka

### Taman-taman indah Nasrid Palace

Sebagai sebuah kawasan Istana Diraja, rekabentuk Nasrid Palace tidak sempurna tanpa keindahan tamannya. Setiap bangunan istana mempunyai taman indah yang direkabentuk berdasarkan konsep yang khusus. Ini kerana fungsi taman dalam rekabentuk Nasrid Palace adalah amat penting bagi setiap pemerintah Islam di benua Eropah ini kerana ia bukan sahaja menjadi pelengkap kepada keindahan istana tetapi juga gambaran kepada keindahan taman syurga dan keluhuran diri seorang pemerintah mengikut falsafah Islam. Oleh itu, air yang mengalir diterjemahkan menerusi reka bentuk water fountain dan water cascade, tumbuhan berbau (seperti pokok tamar, delima dan limau) dan berbunga wangi (seperti bunga mawar) menjadi komponen utama taman-taman indah di Nasrid Palace. Sesungguhnya berada di taman-taman indah ini menyebabkan pengunjung mengagumi kehebatan daya fikiran dan kesungguhan pemerintah Islam dalam mewujudkan dan menterjemahkan konsep taman syurga di sebuah kawasan berbukit dan berbatuan keras yang dahulunya langsung tiada sumber air mengalir.



### Generalife

Generalife yang terletak di luar tembok dan kawasan istana, merupakan Taman Diraja Nasrid. Dinyatakan bahawa taman ini dibina lebih awal daripada beberapa istana yang terdapat dalam kawasan Nasrid Palace, termasukkan Palace of Lions.

Generalife yang bermaksud *garden of paradise* ini mengikut sejarahnya direkabentuk berdasarkan imej taman syurga dengan pokok zaitun, delima, kurma, serta sayuran menjadi tanaman landskap utama. Pancuran air yang berada di tengah taman menjadi pelengkap kepada konsep tersebut. Namun penaklukan Puteri Isabel telah memusnahkan konsep tanaman syurga dan menggantikannya dengan spesis tanaman lain.



Landskap di laman masuk utama Generalife pada masa kini

### Apresiasi Landskap Seville

Apresiasi landskap Seville meliputi empat (4) kawasan iaitu kawasan bandar Seville, Al Cazar Park, Parque de Maria Luisa dan Plaza de Espana



Keindahan senibina regionalist di Plaza de Espana Revival

Sungai dan jambatan menjadi struktur tarikan dan kemegahan

### Apresiasi Landskap Granada

Aktiviti apresiasi landskap Granada tertumpu di pusat bandar Granada atau lebih dikenali dengan nama Catheral.



Catheral adalah pusat bandar Granada yang kaya dengan pintu gerbang, bangunan berkonsepkan Moorish dan Renaissance serta monument

Secara keseluruhannya, melalui pembentangan kertas kerja dan lawatan kerja ini telah memberi beberapa kejayaan seperti :-

- i. Jaringan kerjasama antara pegawai Jabatan Landskap Negara dengan 200 orang peserta seminar dari 33 buah negara
- ii. Penonjolan kejayaan program Landskap Perbandaran dalam menyumbang kepada pembangunan bandar mampan menerusi kertas kerja *Urban Landscape: From Urban Beautification to Sustainable Landscape Development*. Kertas kerja tersebut telah dipilih untuk diterbitkan sebagai *Proceeding Conference* oleh Wassex Institute. Oleh itu, perkongsian maklumat berkenaan kejayaan program Landskap Perbandaran dan usaha Kerajaan Malaysia dalam memastikan keberkesanan pembangunan landskap akan dapat diakses oleh semua ilmuwan dan pihak pentadbir di seluruh dunia.
- iii. Peningkatan pengetahuan dan perkongsian ilmu dalam pembangunan bandar mampan menerusi pendekatan *urban strategies, urban metabolism, sustainable energy, quality of life, risk analysis, urban conservation and regeneration, waste management, environmental management, urban transport, cultural heritage sites, spatial conflict and planning, development and management*.
- iv. Promosi penganjuran World Urban Forum 9 (WUF9) secara langsung kepada peserta seminar.
- v. Peningkatan ilmu berkenaan konsep senibina dan senibina landskap Islam diperolehi menerusi pengalaman secara langsung dan pemerhatian di lapangan.
- vi. Mengaplikasikan kefahaman dalam perancangan, pembangunan dan pengurusan landskap melalui aktiviti apresiasi di lapangan.
- vii. Peningkatan kefahaman dan kebolehupayaan dalam menganalisa karakter landskap.

Secara kesimpulannya, peluang ini dapat memberi manfaat kepada peningkatan ilmu pegawai, malah merupakan satu *platform* penonjolan kejayaan program pembangunan landskap yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Malaysia.

## LAB KAJIAN MEMBANGUNKAN INDEKS NEGARA TAMAN SIRI III DAN SIRI IV

Penulis: Vickson E. Tabak

Bahagian Penyelidikan dan Pemuliharaan

Jabatan Landskap Negara melalui Bahagian Penyelidikan dan Pemuliharaan telah menganjurkan Lab Kajian Membangunkan Indeks Negara Taman Siri III pada 10 – 12 Oktober 2017 di Bilik Latihan Jabatan Kerajaan Tempatan, KPKT, Putrajaya. Susulan daripada Lab Siri III, Lab Siri IV telah diadakan pada 1-3 November 2017 di I-KPKT, Berjaya Hills, Bukit Tinggi, Pahang.

Objektif Lab Siri III adalah untuk memantap dan memurnikan kriteria dan sub kriteria Indeks Negara Taman yang telah disumbang saran dalam Lab Siri II sebelum ini. Manakala objektif Lab Siri IV adalah untuk membangunkan reraf indikator Indeks Negara Taman dan juga untuk mendapatkan konsensus daripada pemegang taruh (stake holder) bagi mengesahkan indikator yang dicadangkan. Para peserta terdiri daripada pihak berkuasa tempatan, PLAN Malaysia, Institut Landskap Arkitek Malaysia (ILAM), Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan kakitangan Jabatan Landskap Negara. Jabatan telah melantik penceramah/fasilitator daripada Universiti Tun Hussein Onn Malaysia iaitu Dr. LAr Kamalludin Bin Bilal dan dibantu oleh Dr Edie Ezwan Bin Mohd Sufian.

Lab Kajian Membangunkan Indeks Negara Taman Siri III



Sesi sumbang saran



Sesi sumbang saran dalam kumpulan di Lab Kajian Membangunkan Indeks Negara Taman Siri III



Pembentangan hasil sumbang saran

Lab Kajian Membangunkan Indeks Negara Taman Siri IV di I-KPKT



Sesi sumbang saran dalam kumpulan di Lab Kajian Membangunkan Indeks Negara Taman Siri IV



Sesi pembentangan kumpulan



Pengisian borang Analytical Hierarchy Process

## HARI SUKAN NEGARA

Penulis: Hanizan binti Kamil  
Bahagian Promosi dan Industri Landskap

Sambutan Hari Sukan Negara telah diisytiharkan pada hari Sabtu minggu kedua bulan Oktober setiap tahun. Hari Sukan Negara merupakan inisiatif Kementerian Belia dan Sukan sebagai satu langkah proaktif dalam proses transformasi ke arah mencapai hasrat menjadikan Malaysia sebagai sebuah 'Negara Bersukan' (Sporting Nation).

Pada tahun ini ianya disambut pada 14 Oktober 2017. Sebahagian warga Jabatan Landskap Negara telah menyertai program tersebut yang diadakan di Dataran Putrajaya bagi menyokong usaha kerajaan menggalakkan rakyat menerapkan amalan budaya hidup cergas dan aktif. Ini berdasarkan peratusan masyarakat Malaysia yang aktif bersukan masih lagi rendah berbanding negara luar. Budaya sukan serta amalan gaya hidup cergas dan aktif pada masa yang sama diharap dapat membantu menurunkan kadar penyakit kronik di kalangan rakyat Malaysia.



## PROGRAM GOTONG ROYONG NBOS MyBN

Penulis: Zulazmi bin Mamat  
Bahagian Promosi dan Industri Landskap

### PELANCARAN PROGRAM GOTONG-ROYONG NBOS MyBN PERINGKAT NEGERI PERLIS

14 Oktober 2017 Di Taman Hijrah, Kangar, Perlis



Ucapan perasmian daripada YB Tuan Haji Mat bin Haji Hassan, Exco Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Perkhidmatan Bandar, Pembangunan Peraja dan Peniaga Kecil, Negeri Perlis



YB Tuan Haji Mat bin Haji Hassan melepaskan ikatan gegantung sebagai simbolik pelancaran program ini



YB Tuan Haji Mat bin Haji Hassan turut serta terlibat menjalankan aktiviti bergotong-royong dengan menggembur tanah di keling pokok Mor Rodak turut serta dalam aktiviti gotong-royong



Tinjauan Ketua Pengarah Dasar dan Pengurusan Landskap, JLN Enok Meor Saadon Sollim bin Moh. Radzi turut serta dalam aktiviti gotong-royong



Penglibatan komuniti dalam kerja-kerja penyelenggaraan kawasan landskap

## PELANCARAN PROGRAM GOTONG-ROYONG NBOS MyBN PERINGKAT PARLIMEN ARAU

14 Oktober 2017 Di Taman Hijrah, Kangar, Perlis



Ucapan perasmian daripada YB Dato' Seri Dr. Shahidan Kassim, Menteri di Jabatan Perdana Menteri selaku ahli Parlimen Arau



YB Dato' Seri Dr. Shahidan Kassim turut serta menyumbang tenaga dengan menanam anak pokok di perkarangan Masjid Ibnu Taimiyah.

Komuniti setempat termasuk warga muda berganding bahu bergotong-royong menceraiakan kawasan sekitar masjid dengan aktiviti mengecat pagar dan tembok konkrit.

## SAMBUTAN HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA, HARI HABITAT SEDUNIA 2017 DAN MAJLIS PENYERAHAN WATIKAH PELANTIKAN JAWATANKUASA PERWAKILAN PENDUDUK NEGERI JOHOR SESI 2017 - 2019 DI PUTERI HARBOUR, ISKANDAR PUTERI, JOHOR BAHRU, JOHOR

Penulis: Zulazmi bin Mamat  
Bahagian Promosi dan Industri Lanskap

11 NOVEMBER 2017, SABTU



YB. Tan Sri Noh bin Haji Omar, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menyampaikan ucapan perasmian



YB. Menteri KPKT menyampaikan hadiah Pertandingan Photojournalism sempena Hari Habitat Sedunia 2017



Booth pameran JLN menerima lawatan daripada YBhg. Tuan Haji Zamri bin Salleh, Timbalan Ketua Setiausaha Kesejahteraan Bandar, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)

## MESYUARAT AGUNG PERSATUAN ARKITEK LANDSKAP AWAM MALAYSIA (PALMA) DAN PEMILIHAN AHLI JAWATANKUASA TETAP

Penulis:Lailatul Badariah binti Mohd Ikmal Hisham  
Bahagian Dasar dan Pengurusan Korporat

Satu Mesyuarat Agung Persatuan Arkitek Lanskap Awam Malaysia (PALMA) dan pemilihan ahli jawatankuasa tetap telah diadakan pada 24 Oktober 2017 bertempat di Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Mesyuarat ini bertujuan untuk memilih ahli jawatankuasa tetap di kalangan perkhidmatan awam Arkitek Lanskap bagi tempoh 2018 hingga 2020. Mesyuarat tersebut telah dirasmikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Lanskap Negara (JLN), Tuan Haji Esa bin Haji Ahmad. Sesi pemilihan pula telah dikendalikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Dasar), Encik Meor Saadon Sofian bin Mior Razali.

Objektif pertubuhan persatuan ini adalah:

- i. Meningkatkan tahap profesionalisme antara ahli.
- ii. Memberi kerjasama kepada kerajaan dan agensinya dalam melaksanakan dasar-dasar terutamanya kerjaya lanskap.
- iii. Membuat dan menganjurkan kajian kertas kerja, peninjauan atau penyelidikan atas aspek-aspek bidang profesional lanskap.
- iv. Mengeluarkan dan menyebarluaskan maklumat berkaitan isu-isu dalam bidang profesional lanskap dan
- v. Menjaga kebijakan am ahli-ahli.

Senarai Ahli Jawatankuasa Persatuan Arkitek Lanskap Awam Malaysia (PALMA) :

Pengerusi	: Encik Meor Abdullah Zaidi bin Meor Razali (Majlis Bandaraya Ipoh)
Naib Pengerusi	: Encik Mansor bin Mohammad (Jabatan Lanskap Negara)
Setiausaha	: Puan Zanariah binti Kadir (Majlis Perbandaran Pasir Gudang)
Penolong Setiausaha	: Encik Mohd Saifuddin bin Ali (Jabatan Lanskap Negara)
Bendahari	: Siti Azura binti Roslan (Dewan Bandaraya Kuala Lumpur)
Ahli Jawatankuasa	
Zon Utara	: Muhammad Hasrun bin Ahmad (Majlis Perbandaran Sungai Petani)
Zon Timur	: Encik Mohd Yusri bin Othman (Majlis Perbandaran Temerloh)
Zon Selatan	: Tuan Haji Khamaluddin bin Othman (Jabatan Lanskap Negeeri Melaka)
Zon Tengah	: Dr. Badrulzaman bin Jaafar (Majlis Bandaraya Petaling Jaya)
Zon Sabah	: Puan Nurul Hayati binti Awang More (Jabatan Perancang Bandar dan Desa Sabah)
Zon Sarawak	: Mohamad Benjamin bin Julaihi Khan (Dewan Bandaraya Kuching Utara)



Ucaprama disampaikan oleh Ketua Pengarah JLN, Tuan Haji Esa bin Haji Ahmad



Barisan AJK Tetap yang telah dilantik

## SEMINAR DAN BENGKEL TRANSFORMASI PERKHIDMATAN LANDSKAP PBT MALAYSIA DAN PELANCARAN PELAN INDUK MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG, JOHOR

Penulis: Lailatul Badariah binti Mohd Ikmal Hisham  
Bahagian Dasar dan Pengurusan Korporat

Seminar dan Bengkel Transformasi Perkhidmatan Lanskap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Malaysia dan pelancaran Pelan Induk Majlis Perbandaran Pasir Gudang, Johor telah diadakan pada 22 hingga 24 November 2017. Tuan Haji Esa bin Haji Ahmad, Ketua Pengarah JLN telah membentangkan kertas bertajuk 'TN50 Hasrat Perkhidmatan Lanskap 30 Tahun Akan Datang' manakala Tuan Meor Saadon Sofian bin Mior Razali telah membentangkan kertas kerja bertajuk 'Status Pelaksanaan terkini Dasar Lanskap Negara'. Seminar yang dianjurkan oleh Majlis Perbandaran Pasir Gudang ini telah berjaya mengumpulkan 76 orang dari 149 Pihak Berkuasa Tempatan.



Tuan Haji Esa bin Haji Ahmad membentangkan kertas bertajuk 'TN50 Hasrat Perkhidmatan Lanskap 30 Tahun Akan Datang'



Tuan Meor Saadon Sofian bin Mior Razali membentangkan Status Terkini Dasar Lanskap Negara



Penyampaian cenderahati kepada Majlis Perbandaran Pasir Gudang



Antara peserta seminar yang hadir

Manakala pada sebelah malamnya, Malam Gala dan Majlis Pelancaran Pelan Induk Lanskap Pasir Gudang yang dibuat secara *in house* oleh Majlis Perbandaran Pasir Gudang telah dirasmikan oleh Tuan Haji Salehuddin bin Haji Hassan, Timbalan Setiausaha Kerajaan Johor (Pembangunan) mewakili YAB Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, Menteri Besar Johor.



Ucapan perasmian oleh oleh Tuan Haji Salehuddin bin Haji Hassan, Timbalan Setiausaha Kerajaan Johor (Pembangunan)



Malam Gala dan Majlis Pelancaran Pelan Induk Lanskap Pasir Gudang

Seterusnya, Bengkel Transformasi Perkhidmatan Lanskap PBT Malaysia telah diadakan pada 23 November 2017. Bengkel ini bertujuan bagi mengemukakan resolusi mengenai perkhidmatan lanskap untuk diutarakan oleh Persatuan Perkhidmatan Arkitek Lanskap Awam Malaysia (PALMA) untuk dipanjangkan ke Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Resolusi tersebut telah disampaikan kepada Pengurus Persatuan, Encik Meor Abdullah Zaidi bin Meor Razali.



Sesi sumbang saran



Penyerahan resolusi Bengkel Transformasi Perkhidmatan Lanskap PBT Malaysia oleh Pengurus Persatuan Arkitek Lanskap (PALMA)

Pada 24 November 2017, lawatan teknikal ke Forest City, Gelang Patah Johor telah diadakan. Peserta bengkel memperolehi data atau input secara terperinci mengenai pembangunan di bandar yang berkeluasan 5,000 hektar termasuklah pembangunan lanskap di pulau-pulau buatan serta pengurusan lanskap bagi lanskap vertical.



Sesi lawatan kerja di Forest City



Sesi taklimat kepada para peserta

### Resolusi Seminar Transformasi PBT

Dalam seminar ini, resolusi penting yang diutarakan adalah mengenai permasalahan dan cadangan penambahbaikan skim perkhidmatan Arkitek Lanskap di peringkat persekutuan, negeri dan pihak berkuasa tempatan.

## AKTIVITI PUSPANITA 2017

Penulis: Mariam binti Zainal  
PUSPANITA JLN

### LAWATAN KE KUALA LUMPUR ORCHIDS AND BONSAI SHOW 2017 JAWATANKUASA KECIL 3R DAN LESTARI HIJAU, PUSPANITA CAWANGAN KPKT

Lawatan berpandu ke Kuala Lumpur Orchids and Bonsai Show 2017 telah diadakan pada 7 Disember 2017. Lawatan seramai 40 orang ahli Puspantia KPKT diadakan bertujuan untuk memberi peluang kepada ahli bagi menyaksikan pameran orkid dan bonsai tempatan serta luar negara. Para peserta telah diberi pendedahan berkenaan penanaman dan perjagaan orkid dan bonsai, aktiviti dan kaedah pertanian bandar, farm in the park, pertandingan kreativiti arca pelajar sekolah, demonstrasi gubahan bunga dan lain-lain lagi.

Kuala Lumpur Orchids and Bonsai Show 2017 (KLOBS 2017) merupakan kesinambungan dari Pameran Bonsai dan Orkid Kuala Lumpur 2012 yang telah diadakan pertama kali di Taman Botani Perdana Kuala Lumpur. Lebih 700 spesies orkid dan bonsai dari 15 negara termasuk Brunei, Indonesia, Filipina, Thailand, Vietnam, China dan Jepun selain Malaysia dipamerkan bermula pada 2 hingga 10 Disember 2017. Pelbagai aktiviti seperti pertunjukan fesyen, pertandingan skulptur taman serta pertandingan melukis dan sebagainya turut diadakan.

Secara keseluruhan, program ini telah dilaksanakan dengan baik dan mendapat sambutan yang menggalakkan daripada ahli Puspantia KPKT. Aktiviti ini diharap agar dapat memperkayakan ahli dengan kemahiran hiasan lanskap dan memupuk minat untuk menjalankan pertanian bandar di kediaman masing-masing.



Peserta berkumpul di Taman Pudu Ulu



Peserta mendengar taklimat sebelum mulaikan lawatan



Peserta berkambar kenangan disalah satu booth pameran orkid



Para peserta mendengar taklimat teknik penanaman pokok sayuran



Pemandangan booth yang terdapat di KLOBS 2017



Peserta bergambar kenangan

## PROGRAM TRANSFORMASI SOSIAL (PTS) APARTMENT NURI, BANDAR BUKIT MAHKOTA, BANGI

Penulis: Kamarulariffin bin Ab Rahim  
Bahagian Promosi dan Industri Lanskap

Pada 30 Disember 2017 sebanyak 6 PTS telah dilaksanakan secara serentak di negeri Selangor iaitu di PPR Seksyen 8 Kota Damansara; Panggupuri Sandalwood, Rawang; Rumah Pangsa PKNS Seksyen 20, Shah Alam; Rumah Pangsa Impian, Bandar Saujana Putra, Kuala Langat; Panggupuri Ruvena Villa, Taman Putra Perdana dan Apartment Nuri, Bukit Mahkota, Bangi.

PTS merupakan kesinambungan daripada Program Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS): Kejiranan Indah atau *Nasional Blue Ocean Shift: My Beautiful Neighbourhood* (MyBN). NBOS adalah program yang telah diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri pada 2010, memfokuskan kepada penghasilan idea yang kreatif, kolaborasi antara jabatan atau agensi, pelaksanaan segera (rapid execution), berimpak tinggi dan meningkatkan sistem penyampaian kerajaan kepada rakyat. PTS bertujuan melahirkan rasa kepunyaan atau sense of belonging serta menggalakkan penduduk untuk menjaga dan menyelenggara sekitar kawasan perumahan secara sukarela dan berterusan. Di samping itu, ia juga dapat memastikan keselamatan kejiranan dan harta benda agar sentiasa terpelihara, di samping meningkatkan kesejahteraan sosial dan integrasi nasional.

Jabatan Lanskap Negara (JLN) adalah merupakan agensi pelaksana di Apartment Nuri, Seksyen 4, Bandar Bukit Mahkota, Bangi, Selangor. Antara agensi yang terlibat dalam pelaksanaan ini adalah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT), Solid Waste and Public Cleansing Management (SWCorp), Jabatan Kesihatan dan Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) Zon 19 Parlimen Serdang dan Persatuan Penduduk Apartment Nuri. Pelbagai aktiviti telah diadakan untuk menjalin hubungan akrab sesama penduduk seperti senamrobik, pameran dan perkhidmatan agensi kerajaan, gunting rambut *back to school*, pertandingan sukan rakyat, demonstrasi pemadam kebakaran serta cabutan bertuah.

Seramai 500 orang telah hadir bagi menjayakan sambutan PTS di Apartment Nuri ini. YB Datuk Haji Johan bin Abdul Aziz selaku ADUN Semenyih telah diberi mandat oleh YB Tan Sri Noh bin Haji Omar, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk merasmikan majlis pelancaran ini. YB Datuk Haji Johan bin Abdul Aziz telah mengumumkan bantuan dibawah program Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M) iaitu salah satu program KPKT bagi membaikpulih/menyelenggara rumah berstrata kos rendah/sederhana rendah swasta dengan kos sebanyak RM1.6 juta untuk membaikpulih bumbung apartment yang telah uzur dan rosak.



Ucapan perasmian oleh YB Datuk Haji Johan bin Abdul Aziz selaku ADUN Semenyih



Sebahagian tetamu yang hadir



Penyerahan surat penubuhan Rakan Taman kepada pengurus persatuan penduduk



Aktiviti mengasingkan bahan kitar semula di sangkar 3R oleh tetamu VIP



Demonstrasi pemadam kebakaran



YB Datuk meluangkan masa melawat khemah pameran JLN dan agensi yang terlibat



Penduduk melawat ke pameran JLN sambil mendapatkan informasi berkaitan Rakan Taman



Perkhidmatan klinik bergerak disediakan untuk penduduk Apartment Nuri

## ULASAN LAPORAN TAHUNAN 2016

Penulis: Lailatul Badariah binti Mohd Ikmal Hisham  
Bahagian Dasar dan Pengurusan Korporat



Laporan Tahunan 2016 melaporkan pencapaian program dan aktiviti jabatan sepanjang tahun 2016 yang meliputi program Pembangunan Taman Awam, Pembangunan Taman Persekutuan, Lanskap Perbandaran, Pelan Induk Lanskap, Penyelidikan dan Pemuliharaan, Pengurusan Lanskap, Pembangunan Aplikasi Mobile My Ujana dan Pembangunan Persekuturan Kehidupan. Ianya juga memaparkan

aktiviti dan program dalam jabatan, Kelab Kebajikan JLN, PUSPANITA JLN dan AKRAB JLN yang melibatkan pegawai jabatan dan agensi luar. Selain merupakan suatu sumber maklumat, rujukan dan panduan kepada semua kakitangan jabatan khususnya, Laporan Tahunan 2016 merangkumi penglibatan pelanggan jabatan secara keseluruhannya. Laporan Tahunan 2016 juga merupakan pengukur pencapaian prestasi kepada semua warga jabatan di dalam menilai dan mempertingkatkan tahap kecemerlangan, kepakaran dan semangat kerja berpasukan dan dedikasi sejarah dengan visi jabatan iaitu menjadi peneraju dan pusat kecemerlangan dalam pembangunan lanskap untuk mencapai persekitaran hidup yang berkualiti, mapan dan beridentitikan Malaysia.

## INFO KAKITANGAN JABATAN LANDSKAP NEGARA

Penulis: Nor Arfa binti Mohd Ishak  
Bahagian Khidmat Pengurusan

### Bersara/naik pangkat/staff keluar/baru masuk/lanjut pengajian

Hanya seorang sedang melanjutkan pengajian secara sepenuh masa iaitu Puan Noor Fadilah binti Yusop @ Othman

### Senarai anugerah khas pegawai JLN

Untuk tahun 2017, seramai dua (2) orang pegawai Jabatan Lanskap Negara (JLN) telah menerima anugerah khas iaitu :

1. Hajah Rotina Bt Mohd Daik – Kesatria Mangku Negara (KMN)
2. Puan Nurshikah binti Daud menerima pingat Ahli Mangku Negara (AMN) Peringkat Persekutuan.

### Perhimpunan Pagi Jabatan

Sebanyak 6 perhimpunan pagi telah diadakan bagi tahun 2017 di mana perhimpunan pagi terakhir diadakan di Taman Persekutuan Bukit Kiara pada 9 November 2017 bersekali dengan program *Integrity Walk*.

## KENAIKAN PANGKAT

Bil	Nama Pegawai	Tarikh
1	Pn. Zalina binti Ariffin Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) N22 (KUP)	27.7.2017

## PEMANGKUAN KENAIKAN PANGKAT

Bil	Nama Pegawai	Tarikh
1	Lilis Asyura binti Mohd. Yatim Pembantu Setiausaha Pejabat N22 (M)	3.11.2017

## PERSARAAN

Bil	Nama Pegawai	Tarikh
1	En. Shamsuddin bin Ripin Arkitek Lanskap Gred J44	30.9.2017

## PEGAWAI BERTUKAR KELUAR

Bil	Nama Pegawai	Tarikh
1	En. Mohd Ariffadilah bin Ibrahim Pembantu Kewangan W19	26.9.2017
2	Faeizah binti Norjinal Pegawai Perancang Bandar dan Desa Gred J41	4.12.2017
3	Zahida binti Zaharon Setiausaha Pejabat N29	18.12.2017
4	Lilis Asyura binti Mohd Yatim Pembantu Setiausaha Pejabat N22 (M)	18.12.2017
5	Nur Syazwani binti Rashid Pembantu Setiausaha Pejabat N19	18.12.2017

## PEGAWAI BARU MASUK

Bil	Nama Pegawai	Tarikh
1	Juliana binti Ahmad Pegawai Perancang Bandar dan Desa Gred J41	1.8.2017
2	Fatin Syakirah binti Dandan Pelukis Pelan JA17	1.8.2017
3	Nurul Ashikin binti Johari Penolong Arkitek Lanskap Gred JA29	1.9.2017
4	Norsidah binti Mohamad Penolong Arkitek Lanskap Gred JA29	1.9.2017
5	Muhamad Azuha bin Ramli Penolong Arkitek Lanskap Gred JA29	1.9.2017
6	Meor Yusro bin Meor Penolong Arkitek Lanskap Gred JA29	1.10.2017
7	Ashaari bin Mohamed Hanafi Penolong Juruukur Bahan Gred JA29	23.10.2017
8	Savilen binti Atilin Penolong Juruukur Bahan Gred JA29	23.10.2017

## STATUS KEMEPEN TANAM POKOK

Bahagian Promosi dan Industri Lanskap

Jumlah pokok yang telah ditanam sehingga Disember 2017 :

**20,234,716**

# UJANA HIKMAH

## Kisah Lanskap Dan Alam Sekitar Di Dalam Al-Quran Surah An-Nur

An Nur dalam surah ini menjadi dasar pembentukan akhlak mulia. Terputusnya seseorang daripada Nur Allah akan menempatkannya dalam kesia-siaan hidup di dunia dan akhirat. Dan untuk membuktikan pengaruh nur llahi dalam pendidikan akhlak mulia, Allah SWT menunjukkan kekuasaan-Nya dalam contoh-contoh alam nyata. Tema ini disajikan dalam rangkaian ayat 35 hingga 45.

"Tidakkah engkau melihat bahwasanya Allah mengarahkan awan bergerak perlahan-lahan, kemudian Dia mengumpulkan kelompok-kelompoknya kemudian Dia menjadikan tebal berlapis-lapis? Selepas itu engkau melihat hujan turun dari celah-celahnya. Dan Allah menurunkan pula hujan batu dari langit, dari gunung-ganang (awan) yang ada padanya; lalu ia menimpa hujan batu itu kepada sesiapa yang dikehendakiNya, dan menjauhkannya dari sesiapa yang dikehendakiNya. Sinaran kilat yang terpancar dari awan yang demikian keadaannya, hampir-hampir menyambar dan menghilangkan pandangan."

(Surah An-Nur : 24:43)

Rujukan : Kerajaan Arab Saudi, Kementerian Hal Ehwal Islam, Wakaf, Dakwah dan Nasihat Al-Quran Digital, Audio Islam.

## KURSUS PEMANTAPAN INTEGRITI DAN ORGANISASI BERKESAN POWER UP JLN YOUNG LEADERS

Penulis: Norlia binti Razali  
Unit Integriti

Kursus Pemantapan Integriti Dan Organisasi Berkesan Power Up JLN Young Leaders telah diadakan pada 11 hingga 12 September 2017 bertempat di Masjid Raja Haji Fisabilillah, Cyberjaya.

### Objektif Kursus

- i. Membina sikap positif melalui cara berfikir dan bertindak.
- ii. Membentuk matlamat yang dapat memastikan kejayaan.
- iii. Mewujudkan hubungan efektif dengan orang lain untuk menghasilkan sinergi.
- iv. Membentuk kepercayaan diri yang akan memperkasakan potensi diri.
- v. Mengendalikan diri dengan baik dalam keadaan sukar.



Para peserta kursus mendengar taklimat yang disampaikan fasilitator



Sesi bergambar kenangan bersama fasilitator



Penglibatan peserta dalam pembentangan yang dilakukan



Perbincangan secara berkumpulan semasa kursus dijalankan

## PERHIMPUNAN BULANAN JABATAN DAN INTEGRITY WALK

Unit Integriti dengan kerjasama Bahagian Khidmat Pengurusan telah menganjurkan *Integrity Walk* dan Perhimpunan Bulanan Jabatan Landskap Negara pada 9 November 2017 bertempat di Taman Persekutuan Bukit Kiara. Program ini diadakan bersempena dengan **Sambutan Hari Integriti** yang diraikan pada 5 November setiap tahun.

Antara aktiviti yang dilakukan adalah menyelusuri lembah dan denai di Zon Arboretum TPBK sejauh 3km. Tujuannya adalah untuk mendedahkan pegawai-pegawai JLN berkaitan bidang tugas di lapangan selain untuk menjalinkan ikatan ukhwah di antara warga kerja jabatan. Selain itu, pegawai juga telah dibahagikan kepada beberapa kumpulan berdasarkan negeri kelahiran masing-masing dan beberapa tugas perlu dilakukan serta dipersembahkan di dalam dialek negeri mereka.

Di akhir program, sesi pengenalan dan bacaan ikrar akujanji pegawai-pegawai baru yang melaporkan diri pada bulan November 2017 telah diadakan dengan disaksikan oleh Ketua Pengarah dan pegawai-pegawai Jabatan Landskap Negara.



Taklimat ringkas dan aktiviti merentas hutan di Taman Persekutuan Bukit Kiara



Persembahan pegawai mengikut kumpulan negeri kelahiran



Perhimpunan bulanan jabatan disusuli dengan bacaan akur janji oleh pegawai-pegawai baru



# Perbelanjaan Awam Sektor Lanskap 2015

Jabatan Lanskap Negara telah melaksanakan kajian " Perbelanjaan Awam Sektor Lanskap Tahun 2015 " pada tahun 2017. Dapatan kajian itu diringkaskan seperti info grafik berikut :

**37%**  
perbelanjaan oleh  
Kerajaan  
Persekutuan

**19%**  
perbelanjaan oleh  
Kerajaan  
Negeri

**56%**  
perbelanjaan oleh  
Kerajaan  
Tempatan

Majlis Perbandaran  
belanja purata  
**RM2 juta/tahun**

Majlis Bandaraya  
belanja purata  
**RM7.5 juta/tahun**

Majlis Daerah  
belanja purata  
**RM0.5 juta/tahun**

**RM500 juta**  
dibelanjakan  
untuk perancangan,  
pembangunan dan  
pengurusan lanskap

Dewan Bandaraya  
belanja purata  
**RM11 juta/tahun**